Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Ketiga 2003

TINJAUAN KESELURUHAN

Momentum pertumbuhan lebih kukuh pada suku ketiga

Ekonomi Malaysia berkembang pada kadar yang lebih pesat sebanyak 5.1% pada suku ketiga daripada 4.5% pada suku kedua tahun 2003. Pertumbuhan tersebut bersifat menyeluruh, baik dari segi komponen perbelanjaan ataupun pengeluaran. Asas ekonomi yang kukuh dan tindakan sektor awam yang menyeluruh kepada ketidakpastian yang muncul dalam ekonomi global pada awal tahun membolehkan ekonomi negara mengambil manfaat daripada keadaan luaran yang lebih memberangsangkan pada suku ketiga. Tindak balas sektor swasta pada langkah-langkah proaktif Kerajaan dan keadaan kadar faedah yang rendah telah menyumbang kepada momentum pertumbuhan yang semakin pesat.

Pertumbuhan KDNK benar yang mapan pada suku ketiga



Pertumbuhan permintaan dalam negeri didorong terutamanya oleh sektor swasta. Aktiviti sektor swasta meningkat dengan pertumbuhan penggunaan dan pelaburan menjadi lebih pesat disebabkan oleh kesan bersama kadar faedah yang rendah, langkah-langkah Kerajaan yang meningkatkan pendapatan boleh guna dan memudahkan akses kepada pembiayaan serta kesan positif harga komoditi yang tinggi kepada pendapatan para penduduk luar bandar. Faktor lain yang menyokong aktiviti sektor swasta adalah pertumbuhan produktiviti dan peningkatan gaji benar di samping keadaan pasaran buruh yang stabil. Tindak balas yang positif pada langkah-langkah yang diambil serta keadaan luar negeri yang dijangka bertambah baik meningkatkan keyakinan pengguna dan perniagaan pada suku ketiga. Perbelanjaan penggunaan swasta meningkat dengan ketara sebanyak 5.4% pada suku ketiga. Suasana ekonomi yang lebih mapan dan penggunaan kapasiti yang telah meningkat dalam sektor perkilangan menggalakkan pertumbuhan dalam pelaburan swasta. Hasilnya, pertumbuhan dalam pembentukan modal tetap benar menjadi lebih pesat sebanyak 3.2%.

Walaupun perbelanjaan penggunaan awam dikekalkan pada tahap yang tinggi, defisit fiskal menurun pada suku ketiga disebabkan oleh prestasi hasil yang meningkat berikutan pengukuhan ekonomi yang menyeluruh.

Semua sektor ekonomi telah berkembang dengan pesat, kecuali sektor perlombongan. Pemulihan dalam aktiviti pelancongan, berserta keyakinan pengguna yang semakin kukuh, mendorong sektor perkidmatan untuk pulih dengan sepenuhnya daripada kesan yang ditinggalkan oleh

wabak SARS dan ketidakpastian geopolitik pada awal tahun 2003.

Peningkatan yang lebih pesat dalam sektor perkilangan sebanyak 8.5% didorong oleh penggunaan tempatan yang kukuh serta pengeluaran bagi eksport yang lebih tinggi. Penggunaan kapasiti kekal kukuh bagi kedua-dua industri berorientasikan pasaran tempatan dan eksport. Keyakinan perniagaan dan prestasi pertumbuhan global yang dijangka lebih baik menyebabkan pelaburan langsung asing baru terus mengalir ke sektor perkilangan pada suku ketiga.

Sektor pertanian terus mencatat prestasi pertumbuhan bagi suku tahunan kelima berturut-turut disebabkan pengeluaran minyak kelapa sawit (+15.2%) dan getah (+17%) yang lebih tinggi yang didorong oleh peningkatan yang berterusan dalam harga komoditi. Walaupun pengeluaran minyak mentah meningkat, keluaran gas asli yang lebih rendah berikutan penutupan sementara sebuah medan gas telah menyebabkan keluaran sektor perlombongan merosot sedikit.

Pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh pada suku ketiga telah dicapai dengan kadar inflasi yang rendah. Harga pengguna kekal rendah dan hanya meningkat sebanyak 1%. Kesan bersama kapasiti berlebihan dalam sektor terpilih, produktiviti yang meningkat dan penetapan harga barangan dan perkhidmatan yang lebih kompetitif telah menyebabkan kuasa penentuan harga oleh pengeluar dapat dikekang, walaupun permintaan meningkat. Penunjuk harga bagi harta benda yang terkini pada akhir bulan Jun hanya menunjukkan peningkatan yang kecil, terutamanya bagi harta benda bertanah yang terletak dalam lokasi terpilih. Indeks harga keseluruhan masih berada pada paras yang tercatat pada tahun 1997-98.

Sumbangan sektor luar negeri kekal kukuh pada suku ketiga. Penambahan rizab antarabangsa sebanyak AS$3.7 bilion kepada AS$40.7 bilion pada akhir suku ketiga terus terakru terutamanya daripada oleh aliran masuk jangka panjang yang berkaitan dengan aktitiviti perdagangan dan pelaburan. Aliran masuk modal portfolio bersih juga menyumbang kepada peningkatan rizab, namun aliran tersebut telah hanya meningkat pada kadar yang tinggi sedikit sejak akhir bulan September. Rizab antarabangsa negara terus meningkat kepada AS$43.6 bilion pada 31 Oktober, mencukupi bagi membiayai 6.9 bulan import tertangguh dan sebanyak 4.7 kali jumlah hutang luar negeri jangka pendek.

Data awalan yang diterbitkan menunjukkan lebihan perdagangan menurun kepada RM15.2 bilion pada suku ketiga berikutan kemerosotan dalam eksport (-3.1%) dan import (-5.7%) kasar. Data ini sedang dikaji semula oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) kerana pertukaran daripada sistem pemerosesan data secara manual kepada Sistem Pertukaran Data Elektronik (EDI) menyebabkan terdapat data yang tidak diambil kira. DOS akan menerbitkan data tersebut apabila kajian ini telah selesai.

Perkembangan yang penting bagi akaun kewangan adalah pelaburan langsung asing yang kekal kukuh. Aliran ekuiti jangka panjang baru meningkat lebih daripada dua kali lebih banyak pada suku ketiga dengan pelaburan langsung asing disalurkan terutamanya ke sektor perkhidmatan, khususnya sektor perkhidmatan kewangan dan perniagaan, perdagangan borong dan runcit dan pengangkutan. Pelaburan asing dalam sektor perkilangan disalurkan terutamanya kepada aktiviti semikonduktor serta yang berkait dengan petroleum.

Kadar pertukaran ringgit terus disokong oleh tahap rizab yang kukuh, inlfasi yang rendah, lebihanan dalam akaun semasa yang berterusan, hutang luar negeri yang rendah serta sistem perbankan yang kukuh dan berdaya tahan. Walau apa pun perkembangan mutakhir dalam pasaran tukaran wang asing, kadar pertukaran ringgit terus berada pada nilai saksama. Penambatan nilai ringgit menghasilkan kestabilan dan keupayaan meramal, membantu aktitiviti perdagangan dan pelaburan dan seterusnya kekal sebagai sebahagian penting daripada pengurusan makroekonomi Malaysia.

Dasar monetari menyokong pertumbuhan yang teguh

Keadaan monetari mencerminkan pertumbuhan yang semakin kukuh. Permintaan untuk kredit meningkat, pinjaman tidak berbayar menurun dan sistem kewangan terus memberi sokongan padu kepada aktitivit sektor swasta. Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 14.6%. Berbanding suku kedua, jumlah pinjaman yang lebih tinggi dikeluarkan kepada PKS, sektor isi rumah dan kepada syarikat-syarikat besar. Pinjaman yang diberi kepada syarikat pada suku ketiga telah meningkat sebanyak 17%.

Jumlah pinjaman belum jelas meningkat pada kadar tahunan sebanyak 4.7% pada akhir bulan September akibat pengeluaran pinjaman yang lebih pesat. Pinjaman belum jeals PKS, yang mencakupi 15.6% daripada keseluruhan jumlah pinjaman terkumpul dan 31.5% daripada pinjaman belum jelas perniagaan, telah meningkat dengan lebih pesat sebanyak 7%. Bagi sembilan bulan pertama tahun 2003, pinjaman belum jelas kepada PKS meningkat sebanyak RM4.8 bilion. Secara keseluruhan, pembiayaan yang diberi oleh sistem perbankan melalui pemberian pinjaman dan pegangan SHS mengembang sebanyak 5.7% pada akhir bulan September. Pembiayaan sektor swasta kasar keseluruhan yang diperoleh daripada sistem perbankan dan pasaran modal telah meningkat dengan ketara sebanyak 13.9% pada suku ketiga.

Peningkatan dalam ketiga-tiga agregat monetari juga mencerminkan sentimen pengguna dan perniagaan yang meningkat dengan ketara. Pengembangan yang kukuh dalam M1 (11.9%) mencerminkan peningkatan permintaan untuk mudah tunai daripada pengguna dan perusahan perniagaan serta jumlah urus niaga bursa saham yang meningkat, sementara peningkatan M3 (9.2%) mencerminkan peningkatan pinjaman langsung daripada sistem perbankan dan pengembangan sektor luar negeri.

Walaupun permintaan untuk pinjaman lebih kukuh, kadar pinjaman purata terus menurun berikutan penurunan kadar polisi BNM sebanyak 50 mata asas pada bulan Mei 2003 dan suasana perbankan yang lebih berdaya saing. Meskipun jumlah aliran masuk modal lebih besar, operasi mudah tunai BNM telah memastikan bahawa kadar faedah kekal stabil. Terdapat instrumen yang kekal mencukupi bagi memudahkan operasi sterilasasi. Oleh itu, pertumbuhan penawaran wang adalah kekal seiring dengan tahap aktiviti ekonomi yang lebih tinggi.

Keuntungan sektor perbankan kekal kukuh pada suku ketiga manakala keadaan ekonomi yang kukuh memperlihatkan mutu aset yang bertambah baik. Sistem perbankan mencatat keuntungan operasi kasar yang lebih tinggi sebanyak RM3 bilion pada suku ketiga disebabkan terutamanya oleh pendapatan yang lebih tinggi, walaupun

perbelanjaan faedah ke atas deposit dan kos mengurus juga lebih rendah.

Nisbah NPL bersih (pada asas 6 bulan) telah turun kepada 6.5% pada akhir bulan September 2003 (9% pada asas 3 bulan). Jumlah NPL dalam sektor perniagaan, khususnya, terus mencatat penurunan. Penurunan NPL yang paling ketara dicatatkan oleh sektor komuniti, persendirian dan perkhidmatan sosial, dan sektor perkhidmatan kewangan berikutan pelaksanaan beberapa aktiviti penstrukturan semula hutang. NPL bagi sektor isi rumah kekal terkawal pada tahap 8.2%.

Penunjuk pemerhatian ke hadapan meramalkan pertumbuhan kekal kukuh

Prospek ekonomi global bagi tempoh tahun 2003 yang masih berbaki dan tahun 2004 bertukar menjadi lebih positif. Ekonomi AS pulih dengan kukuh pada suku ketiga dengan peningkatan peluang pekerjaan dan pelaburan serta kadar pengangguran yang menurun. Perkembangan ini dijangka akan meninggalkan kesan positif ke atas penggunaan swasta AS. Bukti yang lebih kukuh tentang pelaburan yang meningkat ditunjukkan oleh pemulihan pertumbuhan global adalah lebih mapan. Trend yang memberangsangkan ini juga telah muncul di Jepun dan Eropah.

Suasana luar negeri yang lebih positif ini memperkuatkan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Keyakinan pengguna dan perniagaan yang meningkat dijangka memperkuatkan momentum pertumbuhan dalam penggunaan dan pelaburan swasta sementara sektor awam disatukan secara beransur-ansur.

Penunjuk penyokong pertumbuhan utama terus mapan dalam jangka pendek dan pertengahan. Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia, yang meningkat sebanyak 5.9 mata kepada 112.8 mata pada suku ketiga, mencerminkan keyakinan pengguna yang semakin meningkat. Tinjauan bagi pelaburan, terutamanya pelaburan swasta, juga memperlihatkan trend yang positif. Antara penunjuk pemerhatian ke hadapan, trend bagi permohonan pinjaman terus meningkat, menunjukkan permintaan yang mapan bagi pembiayaan untuk mengembangkan aktiviti perniagaan. Ekonomi juga terus menikmati kesan positif langkah-langkah rangsangan yang dilaksanakan Kerajaan. Lebih penting daripada itu, pemulihan dalam sentimen disokong oleh asas ekonomi kukuh, yang bukan sahaja menyediakan keadaan yang stabil untuk pertumbuhan pada masa hadapan, tetapi juga dapat terus membendung risiko yang wujud. Tinjauan terhadap inflasi kekal rendah dan stabil sementara perdagangan dan aliran pelaburan jangka panjang menyumbang sebahagian besar daripada peningkatan rizab antarabangsa. Sistem perbankan mempunyai kedudukan modal yang kukuh dengan NPL mencatat trend yang menurun. Ini menggambarkan sektor perbankan yang lebih utuh. Walaupun tinjauan ekonomi dijangka positif dan risiko secara relatifnya rendah, pihak Kerajaan mempunyai fleksibiliti untuk melaksanakan langkah-langkah terdahulu jika perkembangan luar negeri terjejas.

Sementara keadaan semasa menyokong jangkaan bahawa pertumbuhan akan mengatasi ramalan yang dibuat sebelumnya, masa diperlukan sebelum jurang antara keluaran potensi dan sebenar dapat dikurangkan. Dalam keadaan ini, dasar monetari semasa yang akomodatif akan dikekalkan bagi menyokong momentum pertumbuhan.

PERKEMBANGAN EKONOMI

Keadaan ekonomi antarabangsa

Suasana ekonomi global bertambah kukuh. Pelaburan perniagaan menjadi positif di Amerika Syarikat sementara pertumbuhan di Asia pulih semula dengan wabak SARS dikawal

Suasana ekonomi global bertambah kukuh pada suku ketiga. Ekonomi Amerika Syarikat berkembang sebanyak 7.2% pada suku tersebut (S2: 3.3%). Ini merupakan kadar pertumbuhan suku tahunan yang tertinggi pernah tercatat dalam tempoh dua dekad. Faktor penyumbang utama adalah kenaikan yang tinggi dalam perbelanjaan pengguna, pelaburan kekal dalam sektor perumahan dan juga bukan perumahan serta eksport. Ekonomi Jepun pula menunjukkan tanda-tanda yang ianya bertambah baik di cerminkan oleh pemulihan semula dalam pelaburan dan eksport, sedangkan kadar penurunan paras harga terus menyederhana. Namun, pemulihan di sebahagian besar negara-negara Eropah terus dihadkan oleh rigiditi struktur walaupun sentimen perniagaan bertambah baik.

Mencerminkan tinjauan yang lebih optimistik ke atas suasana antarabangsa, pasaran ekuiti global menunjukkan prestasi yang lebih baik terutamanya bagi sektor teknologi. Dalam pasaran mata wang, sokongan kumpulan G-7 terhadap fleksibiliti dalam pertukaran mata wang menyebabkan volatiliti di pasaran dan Dollar Amerika menyusut nilai. Melihat ke hadapan, ketahanan pemulihan ekonomi global bergantung kepada kekuatan perkembangan pelaburan perniagaan, tahap dorongan fiskal dan kewangan di negara-negara perindustrian utama serta penyelarasan yang teratur pada ketidakseimbangan akaun semasa dan akaun fiskal Amerika Syarikat.

Di rantau **Asia**, dengan terkawalnya wabak *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS) di akhir suku kedua, pertumbuhan serantau mengukuh pada suku ketiga. Pertumbuhan disokong terutamanya oleh prestasi eksport yang lebih kukuh. Di samping itu, kebanyakan negara yang dijangkiti wabak SARS mencatat pemulihan penggunaan domestik dan ketibaan pelancong. Republik Rakyat China mencatatkan pertumbuhan tertinggi KDNK benar (9.1%), sementara pertumbuhan bertukar positif di China Taipei dan Singapura.

Negara-negara Maju: Pertumbuhan KDNK benar mempamerkan prestasi yang lebih baik

	Tahun	Suku		
	2002	S2 '03	S3 '03	Faktor utama
US[1/]	2.4	3.3	7.2	Perbelanjaan pengguna, pelaburan perniagaan dan pertumbuhan eksport yang kukuh
UK	1.8	2.0	1.9	Perbelanjaan pengguna yang teguh dan perbelanjaan kerajaan yang mapan
German	0.2	-0.7	-0.2	Keluaran industri dan suasana pasaran buruh yang lemah tetapi sentimen pengguna dan perniagaan bertambah baik.
Jepun[1/]	0.2	3.5	2.2	Prestasi eksport dan perbelanjaan modal yang bertambah baik.

[1/] berasaskan kadar tahunan

Pada keseluruhannya, pertumbuhan pada suku ketiga terus diperkukuhkan oleh prestasi eksport yang kukuh berikutan asas ekonomi yang berterusan teguh, termasuk inflasi yang sederhana dan kadar faedah yang rendah. Inflasi di Republik Rakyat China terus meningkat, walaupun pada kadar yang perlahan, disebabkan terutamanya oleh peningkatan permintaan untuk bahan mentah. Sebaliknya, tekanan deflasi di Hong Kong China dan China Taipei terus kekal disebabkan oleh keadaan permintaan domestik yang terus lemah. Di kebanyakan negara serantau, kadar faedah jangka

pendek terus menurun dan kedudukan rizab antarabangsa bertambah kukuh.

Dengan jangkaan pemulihan yang berterusan dalam suasana luar dan dalam negeri, ramalan pertumbuhan bagi tahun 2003 telah dinaikkan bagi Republik Rakyat China, Hong Kong China dan Negeri Thai. Sebaliknya, ramalan pertumbuhan di Korea diturunkan disebabkan oleh ketidakpastian politik dan kelemahan dalam aktiviti penggunaan dan pelaburan domestik.

Negara-negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar bertambah kukuh

	Tahun	Suku		
	2002	S2 '03	S3 '03[a/]	Faktor penyumbang utama
Republik Rakyat China	8.0	6.7	9.1	Aktiviti pelaburan dan perbelanjaan pengguna yang kukuh.
Korea	6.3	1.9	2.7	Pertumbuhan eksport lebih daripada mengimbangi perbelanjaan penggunaan dan pelaburan yang lemah.
Singapura	2.2	-3.8	1.7	Perkembangan dalam sektor perkilangan, terutamanya elektronik dan farmaseutikal.
China Taipei	3.5	-0.1	4.2	Disokong oleh prestasi eksport yang kukuh.
Indonesia	3.7	3.8	3.9	Pemulihan keadaan dalam dan luar negeri yang meluas.
Filipina	4.6	4.5	4.0	Pemulihan dalam sektor pertanian telah mengimbangi sebahagian daripada kelemahan dalam sektor perkilangan.

[a/] Anggaran

Permintaan dalam negeri bertambah kukuh pada suku ketiga, disokong oleh aktiviti sektor swasta yang mantap.

Pertumbuhan ternyata lebih kukuh pada suku ketiga dengan KDNK benar meningkat sebanyak 5.1% (S2 2003: 4.5%). Permintaan agregat dalam negeri bertambah baik, disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang kukuh berikutan langkah-langkah menyokong pertumbuhan yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan harga komoditi yang kukuh, yang menyokong pemulihan sektor perkhidmatan dan mengukuhkan penggunaan swasta.

KDNK mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2002		2003		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Agregat Permintaan Dalam Negeri (tidak termasuk stok)	6.1	6.6	5.9	3.0	3.5
Penggunaan	7.8	5.1	6.9	4.3	3.6
Sektor swasta	*4.2*	*4.6*	*4.3*	*3.4*	*5.4*
Sektor awam	*19.2*	*6.5*	*18.9*	*7.2*	*-1.6*
Pembentukan modal tetap kasar	2.8	10.0	3.8	0.4	3.2
Eksport barangan dan perkhidmatan	11.2	7.2	1.9	0.2	-5.0
Import barangan dan perkhidmatan	15.6	8.1	1.7	-2.9	-5.1
KDNK	**5.8**	**5.4**	**4.6**	**4.5**	**5.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri bertambah kukuh pada suku ketiga, hasil daripada kadar faedah yang rendah dan langkah-langkah terdahulu untuk meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah dan memudahkan akses kepada dana bagi memenuhi keperluan kewangan industri dan IKS. Harga komoditi yang kukuh terus meningkatkan pendapatan dan penggunaan di luar bandar. Keadaan pasaran buruh yang stabil dan prospek pertumbuhan ekonomi global yang lebih optimistik telah mengukuhkan lagi keyakinan pengguna dan perniagaan. Secara keseluruhannya, permintaan sektor swasta terus meningkat pada suku ketiga.

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan kekal tinggi



Keyakinan pengguna dan perniagaan meningkat



Berikutan berakhirnya kebimbangan yang berkaitan dengan SARS, penggunaan swasta mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 5.4% pada suku ketiga (S2 2003: 3.4%). Penunjuk penggunaan utama termasuk pengembangan agregat monetari, terutamanya M1, pengeluaran pinjaman kepada isi rumah dan perbelanjaan pengguna melalui kad kredit menunjuk ke arah peningkatan optimistik pengguna. Ini ditunjukkan oleh Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) yang meningkat sebanyak 5.9 mata kepada 112.8 mata pada suku ketiga. Penggunaan awam juga kekal tinggi, disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang lebih tinggi ke atas emolumen dan bekalan dan perkhidmatan.

Perkembangan penting yang menyokong peningkatan aktiviti sektor swasta adalah peningkatan yang ketara dalam pelaburan. Pembentukan modal tetap kasar meningkat sebanyak 3.2% pada suku ketiga (S2 2003: 0.4%). Pelaburan sektor swasta meningkat disebabkan oleh kedudukan kewangan syarikat yang lebih kukuh dan kadar penggunaan kapasiti yang tinggi. Sentimen perniagaan menjadi lebih positif pada suku ketiga. Indeks Keadaan Perniagaan MIER meningkat sebanyak 4.9 mata kepada 109.8 mata, mencerminkan keputusan yang bertambah baik bagi kebanyakan komponen termasuk pengeluaran, pesanan dalam negeri dan tahap stok. Penunjuk utama pelaburan swasta yang lain termasuk penjualan kenderaan perdagangan dan pengeluaran pinjaman kepada sektor pembuatan dan pembinaan juga mencerminkan pemulihan yang kukuh dalam aktiviti pelaburan. Sementara itu, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan terus kekal tinggi, terutamanya perbelanjaan ke atas kesihatan, perkhidmatan awam dan pembangunan pertanian dan luar bandar.

Perkembangan mengikut Sektor

Pertumbuhan yang menyeluruh dan seimbang

Pertumbuhan pada suku ketiga adalah menyeluruh, berikutan pemulihan yang pesat di sektor perkhidmatan selepas terjejas akibat wabak SARS pada suku kedua, serta pengembangan sektor pembuatan dan pertanian yang terus kukuh.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2002		2003		
	S3	S4	S1	S2	S3
	% perubahan tahunan				
Pertanian	8.3	5.5	3.4	10.4	6.2
Perlombongan	7.9	7.1	4.5	11.1	-0.7
Perkilangan	7.3	5.7	5.9	6.5	8.5
Pembinaan	2.6	0.5	1.2	1.4	2.4
Perkhidmatan	3.4	4.6	4.5	2.9	4.2
KDNK benar (perubahan tahunan)	**5.8**	**5.4**	**4.6**	**4.5**	**5.1**
KDNK benar (perubahan berbanding suku sebelumnya)	**3.6**	**0.7**	**-3.8**	**4.1**	**4.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pemulihan sektor perkhidmatan

Prestasi **sektor perkhidmatan** pulih semula, dengan pertumbuhan sebanyak 4.2% (S2: 2.9%) berikutan sentimen pengguna yang bertambah baik serta pemulihan di sektor yang berkaitan dengan pelancongan dan perjalanan yang terjejas akibat wabak SARS. Pertumbuhan sektor itu disokong oleh langkah positif yang diperkenalkan

Nilai Ditambah Sektor Perkhidmatan

	2002		2003		
	S3	S4	S1	S2	S3
	% perubahan tahunan				
Perkhidmatan pengantara	**2.5**	**3.8**	**4.1**	**4.3**	**6.0**
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	2.8	3.3	4.8	4.2	5.5
Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	2.3	4.0	3.8	4.4	6.4
Perkhidmatan akhir	**4.1**	**5.2**	**4.7**	**1.9**	**3.1**
Elektrik, gas dan air	2.2	4.3	7.3	7.3	5.2
Perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran	3.7	2.6	3.2	-2.0	1.7
Perkhidmatan Kerajaan	6.0	9.3	5.9	6.9	4.2
Perkhidmatan lain	4.0	6.9	5.0	1.6	3.6
Jumlah Perkhidmatan	**3.4**	**4.6**	**4.5**	**2.9**	**4.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

menerusi Pakej Ekonomi. Prestasi subsektor borong dan runcit, hotel dan restoran, terutamanya, bertukar arah aliran dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 1.7% (S2: -2%). Sektor ini meningkat hampir 10% berbanding suku sebelumnya. Pemulihan adalah menyeluruh, merangkumi kesemua aktiviti runcit dan pengedaran. Perniagaan perhotelan juga pulih dengan pesat dengan jumlah ketibaan pelancong bulanan meningkat sekali ganda daripada 459,300 orang pada bulan April kepada 943,500 orang menjelang bulan September 2003.

Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2003				
	S1	S2	S3	S2	S3
Penunjuk terpilih	% perubahan tahunan			perubahan berbanding suku sebelumnya (%)	
Jualan runcit (MRA)	-0.1	-2.9	6.4[j]	t.d.	t.d.
Ketibaan pelancong	-6.5	-51.6	-24.2	-40.2	46.7
Kredit penggunaan yang dikeluarkan	3.1	1.9	7.4	0.5	9.2
Jumlah penumpang di semua lapangan terbang di Malaysia	12.5	-15.9	2.1	-21.3	29.8
	kadar/tahap			perubahan berbanding suku sebelumnya (tahap)	
Indeks Kajiselidik Runcit MIER	78.1	96.3	125.0	+ 18.2	+ 28.7
Indeks Pengusaha Hotel MIER	101.5	81.0	139.0	- 20.5	+ 58.0
Faktor muatan penumpang MAS (%)	67.3	56.0	73.0	-11.3	+ 17.0

Nota: MRA merujuk kepada Persatuan Peruncit Malaysia; MIER merujuk kepada Malaysian Institute of Economic Research dan MAS merujuk kepada Penerbangan Malaysia

[j] Jangkaan

Sumber: Pelbagai sumber

Di samping itu, pertumbuhan subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi terus mengukuh. Perjalanan udara, terutamanya segmen penumpang yang terjejas dengan teruk pada suku sebelumnya, memperlihatkan kemajuan yang ketara dengan peningkatan jumlah penumpang sebanyak 30% daripada suku sebelumnya. Pertumbuhan juga disokong oleh aktiviti pelabuhan yang mapan berikutan kargo kontena yang diuruskan oleh dua pelabuhan utama meningkat sebanyak 14.5%. Momentum pertumbuhan subsektor telekomunikasi terus kukuh berikutan peningkatan dalam jumlah langganan dan penjualan produk baru bagi segmen telefon selular.

Pertumbuhan sektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan adalah lebih kukuh berikutan penurunan kadar faedah dan dana tambahan yang diberikan menerusi Pakej Ekonomi mendorong pinjaman bank yang lebih tinggi. Aktiviti insurans yang teguh dan minat kepada pasaran saham yang kembali kukuh turut menyokong sektor berkenaan. Subsektor perkhidmatan Kerajaan berkembang dengan sederhana sementara pertumbuhan subsektor utiliti dirangsang oleh permintaan yang kukuh terhadap elektrik, terutamanya daripada sektor perdagangan dan perindustrian.

Pertumbuhan sektor perkilangan bertambah kukuh

Pertumbuhan **sektor perkilangan** terus mengukuh kepada 8.5% pada suku ketiga, disokong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi industri berorientasikan dalam negeri (6.1%, S2: 3.3%) dan industri berorientasikan eksport (12.1%, S2: 10%). Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan adalah lebih tinggi pada paras 86% (S2: 83%) dengan industri-industri berorientasikan eksport dan dalam negeri

Penggunaan Kapasiti Sektor Perkilangan



Prestasi Sektor Perkilangan

	2002		2003		
	S3	S4	S1	S2	S3
	% perubahan tahunan				
Nilai ditambah (harga malar)	**7.3**	**5.7**	**5.9**	**6.5**	**8.5**
Pengeluaran Keseluruhan	**8.5**	**6.7**	**7.6**	**8.2**	**10.6**
Industri berorientasikan eksport	**11.2**	**8.9**	**8.0**	**10.0**	**12.1**
Antaranya:					
- Elektronik	20.5	12.5	8.6	7.0	14.7
- Barangan Elektrik	0.1	-4.2	-4.3	-7.6	-12.4
- Tekstil & pakaian	-7.1	4.4	0.8	2.3	3.0
- Bahan kimia dan keluaran kimia	9.8	13.1	16.4	23.8	20.8
- Pemprosesan luar estet	17.8	12.0	4.5	27.3	17.1
- Keluaran getah	7.1	5.5	9.6	14.3	26.6
- Kayu dan keluaran kayu[1/]	-3.1	1.0	4.3	-0.4	1.4
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**1.5**	**0.6**	**6.4**	**3.3**	**6.1**
Antaranya:					
- Kelengkapan pengangkutan	3.2	-7.9	-6.6	-13.5	-2.6
- Keluaran logam yang direka	-1.3	-1.9	3.8	7.9	-0.7
- Besi & keluli dan logam bukan ferum	-2.0	4.7	16.7	0.8	13.8
- Keluaran galian bukan logam	4.3	1.3	10.0	11.4	9.2
- Keluaran petroleum	-1.7	-6.0	1.9	17.5	-6.1
- Makanan	3.5	10.3	5.5	7.3	16.0
Jumlah Eksport Perkilangan	**12.7**	**5.1**	**1.7**	**1.3**	**-8.2**
- Elektronik	21.6	4.4	-5.8	-4.3	-19.5
Separa konductor	48.9	36.6	27.2	22.4	-11.0
Komponen elektronik	3.0	-18.3	-28.3	-25.2	-27.9
- Barangan elektrik	-4.0	-8.3	-7.4	-5.2	-4.8
Barangan elektrik pengguna	-9.7	-9.7	-12.5	-17.7	-10.7
Barangan elektrik industri & komersial	-5.8	-19.5	-14.2	-0.2	-7.3
Jentera & kelengkapan barangan elektrik industri	9.8	11.0	4.1	4.6	6.7
Perkakas elektrik isi rumah	11.5	81.7	78.7	39.9	18.2
- Keluaran kayu	23.3	19.1	13.2	5.5	-2.3
- Barangan perabot	10.1	7.4	8.9	5.1	3.3
- Tekstil, pakaian & kasut	4.5	5.0	8.4	3.3	-1.9
- Peralatan optikal & saintifik	10.1	4.8	19.1	15.7	1.1
- Bahan kimia dan keluaran kimia	23.5	34.4	33.9	22.6	18.7
- Keluaran petroleum	-4.1	29.7	67.3	23.8	5.6

1/ Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu.

masing-masing beroperasi pada paras 88% dan 82% (S2: masing-masing sebanyak 84% dan 82%).

Pertumbuhan industri berorientasikan eksport disokong terutamanya oleh pengembangan yang kukuh dalam industri pemprosesan luar estet, keluaran getah, keluaran kimia dan separa konduktor. Pengeluaran industri keluaran getah khususnya, berkembang kukuh sebanyak 26.6% berikutan permintaan yang lebih tinggi terhadap sarung tangan pembedahan. Industri separa konduktor juga terus menunjukkan prestasi yang baik, disokong oleh permintaan global yang meningkat terutamanya dari Asia dan Eropah. Industri keluaran kimia terus mencatat pertumbuhan dua angka didorong oleh pengeluaran yang lebih tinggi keluaran plastik dan bahan kimia industri. Pengembangan pengeluaran yang lebih tinggi di industri berorientasikan dalam negeri didorong terutamanya oleh peningkatan yang kukuh industri pengeluaran bahan-bahan yang berkaitan dengan pembinaan sejajar dengan pertumbuhan sektor pembinaan, serta pertumbuhan industri makanan dan keluaran kertas.

Pertumbuhan sektor pertanian kekal kukuh, sektor perlombongan merosot sedikit

Sektor pertanian terus mencatat pertumbuhan yang kukuh untuk lima suku tahunan berturut-turut (6.2%) disebabkan oleh peningkatan yang teguh dalam pengeluaran minyak sawit dan getah. Dengan harga kebanyakan komoditi utama pertanian meningkat antara 5 hingga 17%, ini telah merangsang aktiviti pengeluaran terutamanya di kalangan pekebun kecil. Berikutan pertumbuhan yang kukuh pada suku sebelumnya, sektor perlombongan mencatat kemerosotan sedikit disebabkan terutamanya pengeluaran gas asli yang lebih rendah. Pengeluaran minyak mentah pula hanya mencatatkan peningkatan yang kecil.

Prestasi Sektor Pertanian

	2002		2003		
	S3	S4	S1	S2	S3
	% perubahan tahunan				
Nilai ditambah (pada harga 1987)	**8.3**	**5.5**	**3.4**	**10.4**	**6.2**
Pengeluaran[1/]					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	13.0	1.6	0.4	27.3	15.2
Minyak isirung sawit mentah	1.4	0.9	-5.2	28.7	20.6
Getah	5.1	17.8	16.6	21.3	17.0
Kayu balak	15.9	22.8	4.0	-2.6	-9.2
Koko	-28.2	35.2	71.5	14.7	-16.7
Eksport (RM juta)	**42.2**	**49.3**	**41.8**	**33.6**	**29.3**
Antaranya:					
Minyak sawit					
('000 tan metrik)	12.4	12.1	9.3	15.3	36.4
(RM/tan metrik)	39.7	46.9	41.4	25.3	7.4
(RM juta)	57.0	64.7	54.6	44.4	46.5
Minyak isirung sawit mentah					
('000 tan metrik)	-5.0	15.1	-33.9	7.1	93.9
(RM/tan metrik)	31.0	38.9	51.0	17.2	1.3
(RM juta)	24.5	59.8	-0.2	25.6	96.4
Getah					
('000 tan metrik)	19.4	6.4	13.4	2.0	1.0
(Sen/kilogram)	36.5	57.8	57.6	40.0	17.2
(RM juta)	63.0	67.9	78.7	42.8	18.4
Kayu siap digergaji					
('000 meter padu)	-0.7	4.9	7.8	6.7	8.0
(RM/meter padu)	8.2	1.8	12.1	9.9	4.5
(RM juta)	7.5	6.8	20.8	17.3	12.9
Kayu balak					
('000 meter padu)	2.4	12.9	19.5	32.8	-6.9
(RM/meter padu)	33.8	31.8	18.9	5.6	-9.6
(RM juta)	37.0	48.8	42.1	40.3	-15.8
Biji koko					
('000 tan metrik)	8.0	71.2	51.7	-38.0	-74.3
(RM/tan metrik)	43.3	70.3	62.9	37.2	11.9
(RM juta)	54.7	191.5	147.2	-14.9	-71.3

[1/] Dalam '000 tan metrik, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Setelah mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 27.3% pada suku sebelumnya, pengeluaran minyak sawit mentah meningkat lagi sebanyak 15.2% atau pengeluaran purata bulanan sebanyak 1.3 juta tan pada suku ketiga. Pertumbuhan didorong oleh hasil yang meningkat berikutan kadar purata perahan minyak yang lebih tinggi pada paras 19.88% pada suku ketiga (S2 2003: 19.63%) dan bertambahnya kawasan matang, terutamanya di Sabah. Pengeluaran getah meningkat lagi sebanyak 17% berikutan harga getah yang terus meningkat dengan puratanya melebihi 400 sen sekilogram menjelang September 2003. Harga yang tinggi mendorong aktiviti torehan yang intensif di kalangan pekebun kecil. Justeru, pekebun kecil getah kini mencakupi lebih kurang 89% daripada keseluruhan pengeluaran getah negara pada suku ketiga (2002: 85%).

Prestasi Sektor Perlombongan

	2002		2003		
	S3	S4	S1	S2	S3
	% perubahan tahunan				
Nilai ditambah (pada harga 1987)	**7.9**	**7.1**	**4.5**	**11.1**	**-0.7**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	9.1	7.4	2.3	11.7	1.8
Gas asli (bersih) (juta kaki padu standard)	8.0	9.3	8.2	17.3	-6.2
Eksport (RM juta)	**5.8**	**29.3**	**50.9**	**38.7**	**25.9**
Antaranya:					
Minyak mentah					
('000 tan metrik)	18.3	5.5	4.2	0.3	13.7
(AS$/tong)	1.3	37.2	61.3	15.9	6.9
(RM juta)	19.8	44.7	68.0	16.2	21.6
Gas asli cecair					
('000 tan metrik)	-0.7	12.9	6.9	41.0	10.3
(RM/tan metrik)	-4.4	6.6	28.8	33.3	8.9
(RM juta)	-5.1	20.4	37.8	88.0	20.1

Nilai ditambah **sektor perlombongan** merosot sedikit sebanyak 0.7% pada suku ketiga disebabkan terutamanya oleh pengeluaran gas asli yang lebih rendah. Pengeluaran gas asli merosot berikutan penutupan sementara medan gas bagi tujuan penyelenggaraan. Sementara itu, pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) terus meningkat sebanyak 1.8% kepada 720,390 tong sehari pada suku ketiga.

Aktiviti pembinaan mendapat manfaat daripada Pakej Ekonomi

Momentum pertumbuhan **sektor pembinaan** meningkat secara berperingkat-peringkat pada suku ketiga (S2 2003: 1.4%). Subsektor kediaman khususnya, mendapat faedah daripada insentif Kerajaan yang diberikan melalui Pakej Ekonomi di samping penerusan kerja-kerja pembinaan di kebanyakan projek perumahan yang banyak dilancarkan pada tahun lalu. Penghapusan duti setem ke atas beberapa kategori rumah terpilih, pengurangan kadar faedah, pakej pinjaman yang

kompetitif yang ditawarkan oleh institusi kewangan dan aktiviti promosi yang intensif oleh para pemaju perumahan di bandar-bandar utama telah menggalakkan permintaan terhadap harta kediaman. Walau bagaimanapun, aktiviti pembinaan di sektor awam adalah sederhana disebabkan oleh perbelanjaan untuk kemudahan pendidikan yang lebih rendah.

Penunjuk Pembinaan

	2002		2003		
	S3	S4	S1	S2	S3
	% perubahan tahunan				
Permit jualan dan iklan baru	4.2	-11.4	-24.5	-16.7	14.9
Kelulusan perumahan	-25.5	-32.3	-30.7	0.8	19.3
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	1.4	2.8	13.0	6.5	11.3
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	5.6	69.6	20.0	-44.3	16.6
Import bahan pembinaan dan bahan galian	32.2	8.7	4.0	-19.3	-23.4*

* *Julai-Ogos. '03*

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi kekal rendah

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), kekal rendah pada 1% pada suku ketiga 2003 (S2 2003: 0.9%). Mencerminkan perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi, peningkatan harga makanan dan sewa kasar, bahan api dan kuasa adalah lebih tinggi pada suku ketiga berbanding suku sebelumnya. Sementara itu, peningkatan harga minuman dan tembakau juga adalah lebih tinggi berikutan pengenalan cukai import dan eksais yang lebih tinggi ke atas minuman beralkohol dan barangan tembakau. Walau bagaimanapun, harga yang lebih tinggi bagi barangan ini telah diimbangi oleh penurunan harga serta kenaikan harga yang lebih perlahan untuk barangan dan perkhidmatan pengguna lain.

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan Pasaran Pekerja Kekal Stabil

Keadaan pasaran pekerja terus stabil disebabkan oleh pertumbuhan dalam produktiviti,. Dalam sektor pembuatan, berasaskan data bagi bulan Julai dan Ogos 2003, produktiviti pekerja seperti yang diukur melalui nilai jualan benar produk bagi setiap pekerja, meningkat sebanyak 4%, mengatasi peningkatan sebanyak 2.4% dalam upah benar bagi setiap pekerja. Pemberhentian pekerja adalah lebih rendah pada suku ketiga 2003 (5,328 orang; S3 2002: 5,549 orang dan S2 2003: 6,677 orang).

Keadaan Pasaran Buruh Stabil



Lebihan perdagangan kekal kukuh

Data awalan yang diterbitkan menunjukkan lebihan perdagangan menurun kepada RM15.2 bilion pada suku ketiga berikutan kemerosotan dalam eksport (-3.1%) dan import (-5.7%) kasar. Data ini sedang dikaji semula oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) kerana pertukaran daripada sistem pemerosesan data secara manual kepada Sistem Pertukaran Data Elektronik (EDI) menyebabkan terdapat data yang tidak diambil kira. DOS akan menerbitkan data tersebut apabila kajian ini telah selesai.

Akaun Perdagangan

	2002		2003		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan dalam %				
Eksport kasar	14.3	9.7	8.0	6.0	-3.1
Perkilangan	12.7	5.1	1.7	1.3	-8.2
Pertanian	42.2	49.3	41.8	33.6	29.3
Galian	5.8	29.3	50.9	38.7	25.9
Import kasar	19.6	8.6	2.6	-5.0	-5.7
Barangan modal	17.7	0.4	-0.7	-13.1	-5.1
Barangan pengantara	19.3	7.8	1.9	-4.1	-4.3
Barangan penggunaan	20.5	19.0	6.2	-1.6	-12.2
Imbangan perdagangan (RM bn)	13.5	15.1	17.7	19.0	15.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pemulihan kukuh dalam ketibaan pelancong

Mencerminkan keyakinan pelancong selepas berakhirnya tempoh kesan wabak SARS, ketibaan pelancong meningkat kepada 2.5 juta pada suku ketiga daripada 1.7 juta pada suku kedua. Ketibaan pelancong dari rantau ASEAN mencapai tahap sebelum tempoh berlakunya wabak SARS. Kempen promosi pelancongan dianjurkan di negara-negara yang dilanda wabak SARS seperti Republik Rakyat China, Hong Kong China dan China Taipei dan di pasaran baru seperti Pakistan. Strategi ini disokong oleh pemulihan semula penerbangan pergi-balik ke negara-negara yang dilanda wabak SARS dan pelancaran penerbangan sewa khas ke Republik Rakyat China. Hasilnya, ketibaan pelancong dari Republik Rakyat China, Hong Kong China dan China Taipei meningkat sekali ganda pada suku ketiga apabila dibandingkan dengan suku kedua. Ketibaan pelancong pada suku ke empat 2003 dijangka melebihi jumlah bulanan sebanyak 1 juta, iaitu tahap yang dicapai pada tempoh permulaan wabak SARS.

Ketibaan Pelancong Bulanan



Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia

Aliran masuk dana pelaburan yang kekal

Berdasarkan asas tunai, aliran masuk kasar dana pelaburan (FDI) kekal tinggi, walaupun rendah sedikit daripada suku sebelumnya (RM4 bilion; S2 2003: RM5.7 bilion). Pada suku ketiga, aliran masuk baru ekuiti meningkat seklai ganda. Aliran masuk yang lebih rendah mencerminkan terutamanya pinjaman antara syarikat yang lebih rendah disebabkan lebih banyak pembiayaan dana diperoleh daripada institusi kewangan tempatan. Pada suku ketiga, aliran masuk pelaburan langsung asing yang lebih tinggi disalurkan terutamanya ke sektor perkhidmatan, khususnya bagi perkhidmatan

pembiayaan dan perniagaan, perdagangan borong dan runcit, dan industri pengangkutan. Terdapat juga pelaburan baru dalam sektor perkilangan, terutamanya dalam pembuatan semikonduktor dan aktiviti berkaitan petroleum. Sesudah mengambil kira aliran keluar disebabkan terutamanya pembayaran balik pinjaman oleh syarikat yang berkaitan, pelaburan langsung asing mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM1 bilion.

Pelaburan luar negara mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM1.6 bilion (S2 2003: -RM2.6 bilion). Dari segi aliran keluar kasar, lebih satu pertiga daripada pelaburan ini adalah dihasilkan oleh syarikat induk pelaburan bagi pelaburan dalam sektor pengangkutan, perkilangan, dan perkhidmatan di Singapura, Mauritius dan Korea Selatan. Terdapat juga pelaburan yang ketara oleh syarikat-syarikat minyak dan gas di Afrika, dan sektor perkilangan, khususnya dalam industri elektrik dan elektronik di Amerika Syarikat dan Switzerland. Dalam konteks ini, perkembangan penting adalah peningkatan dalam penghantaran pulang hasil keuntungan dan dividen oleh syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negara. Pada tengah Januari sehingga September 2003, sebanyak RM1.3 bilion dihantar pulang, berbanding RM1.4 bilion bagi keseluruhan tahun 2002.

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk yang lebih tinggi, berjumlah RM3.6 bilion (S2 2003: RM0.6 bilion) disebabkan aktiviti yang lebih menggalakkan di BSKL berikutan sentimen pelabur tempatan dan asing yang bertambah baik.

Hutang luar negeri kekal terkawal

Pembayaran balik dan prabayaran yang besar (RM6.6 bilion) pada suku ketiga mengimbangi sebahagian besar kerugian penilaian semula pertukaran asing, menyebabkan hutang luar negeri Malaysia kekal stabil pada RM194 bilion (AS$51 bilion), bersamaan dengan 54% daripada KNK pada akhir bulan September 2003. Pembayaran balik dan prabayaran **hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** kebanyakannya dibayar oleh perusahaan awam bukan kewangan (PABK) dan sebahagian kecil oleh Kerajaan Persekutuan. Pembayaran balik bersih oleh PABK untuk suku keenam yang berturut-turut, mencerminkan penyelesaian beberapa pinjaman luar negeri yang besar. Sementara itu, sebahagian besar pembayaran balik oleh sektor swasta adalah dibayar oleh syarikat-syarikat yang beroperasi dalam sektor telekomunikasi, perkilangan dan pertanian. Selepas mengambil kira kerugian penilaian semula

Hutang Luar Negeri yang belum dijelaskan

	2002	2003	
	S3	S2	S3
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana & panjang	151.3	157.9	158.1
Sektor awam	97.1	102.1	102.2
Sektor swasta	54.3	55.8	55.8
Hutang jangka pendek [1]	25.8	35.6	35.9
Jumlah hutang luar negeri	177.1	193.4	194.0
- bersamaan AS$ bilion	46.6	50.9	51.0

[1] Tidak termasuk wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang Luar Negeri



1/ Tidak termasuk wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pertukaran asing berikutan peningkatan nilai yen dan euro, hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang meningkat sedikit kepada RM158.1 bilion atau AS$41.6 bilion (S2 2003: RM157.9 bilion).

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** kekal stabil pada RM35.9 bilion atau AS$9.5 bilion (S2 2003: RM35.6 bilion). Pada akhir bulan September, hutang jangka pendek hanya mencakupi 18.5% daripada jumlah hutang luar negeri, dan adalah kira-kira 23.2% daripada rizab antarabangsa bersih.

Di bawah Piawai Penyebaran Data Khas (SDDS) IMF bagi hutang luar negeri, mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan adalah termasuk dalam liputan hutang luar negeri mulai 30 September 2003. Sementara Bank Negara Malaysia menggunakan liputan ini dalam laporan SDDS, Bank Negara Malaysia tidak akan memasukkan mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-insitusi perbankan dalam penerbitannya. Butiran ini akan terus disiarkan sebagai sebahagian daripada tanggungan luaran sistem perbankan dalam statistik bulanan Bank Negara Malaysia. Sejajar dengan liputan SDDS, Bank Negara Malaysia merancang untuk mengemaskinikan jadual-jadual hutang luar negeri dalam semua penerbitannya pada suatu masa yang akan datang apabila sistem statistik Bank Negara Malaysia yang baru untuk menyusun data hutang luar negeri disiapkan.

Rizab antarabangsa terus meningkat

Arah aliran peningkatan rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berterusan pada suku ketiga. Pada 30 September 2003, rizab antarabangsa bersih berjumlah RM154.8 bilion atau AS$40.7 bilion, mencerminkan peningkatan sebanyak RM13.9 bilion atau AS$3.7 bilion sejak akhir bulan Jun 2003. Peningkatan rizab adalah disebabkan terutamanya oleh penghantaran pulang perolehan export yang berterusan dan aliran masuk dana asing bagi tujuan pelaburan langsung dan portfolio. Paras rizab pada akhir bulan September turut mengambil kira pelarasan daripada keuntungan penilaian semula pertukaran asing yang belum direalisasi berjumlah AS$542 juta, disebabkan terutamanya oleh peningkatan nilai euro dan yen berbanding dolar AS pada suku ketiga.

Rizab antarabangsa terus meningkat kepada RM165.8 bilion atau AS$43.6 bilion pada 31 Oktober 2003, disebabkan terutamanya oleh penghantaran pulang perolehan export yang berterusan dan aliran masuk dana portfolio dan pelaburan langsung asing yang lebih besar. Paras rizab ini adalah mencukupi bagi membiayai 6.9 bulan import tertangguh dan sebanyak 4.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Fiskal defisit lebih kecil

Walaupun operasi belanjawan Kerajaan Persekutuan terus menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri pada suku ketiga, Kerajaan Persekutuan mencatatkan defisit yang lebih rendah sebanyak RM4 bilion atau 4.0% daripada KDNK (suku kedua 2003: -8.4% daripada KDNK). Kedudukan yang lebih baik adalah disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih rendah dan hasil yang lebih tinggi. Prestasi hasil yang lebih kukuh telah dicatatkan pada suku ketiga, terutamanya berpunca daripada pendapatan pelaburan dan hasil berasaskan petroliam yang lebih tinggi. Kebanyakan hasil cukai tidak langsung mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik disebabkan agregat permintaan yang meningkat. Penerimaan cukai perkhidmatan yang lebih rendah adalah disebabkan oleh pengecualian

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2002		2003		
	S3	Jan.-Sep.	S2	S3	Jan.-Sep.
	RM bilion				
Hasil	19.4	56.2	21.2	23.3	58.2
% perubahan tahunan	5.1	4.3	8.1	19.9	3.6
Perbelanjaan mengurus	15.8	46.2	20.2	19.4	52.4
% perubahan tahunan	10.4	18.4	29.4	22.9	13.5
Akaun semasa	3.6	10.0	1.0	3.9	5.8
% daripada KDNK	3.9	11.8	1.0	3.9	2.0
Perbelanjaan pembangunan kasar	8.9	20.8	9.1	8.1	25.0
% perubahan tahunan	20.8	13.5	12.7	-8.5	20.2
Terimaan balik pinjaman	0.1	0.4	0.1	0.3	0.5
Imbangan keseluruhan	-5.1	-10.4	-8.0	-4.0	-18.8
% daripada KDNK	-5.5	-12.3	-8.4	-4.0	-6.5
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	24.7	67.0	29.3	27.5	77.4
% perubahan tahunan	13.9	16.8	23.7	11.6	15.6
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	156.7	156.7	182.1	188.6	188.6
% daripada KDNK	43.4	43.4	47.2	48.9	48.9
Dalam negeri	124.6	124.6	142.3	148.4	148.4
Luar negeri	32.1	32.1	39.9	40.2	40.2

[a] Awalan

cukai perkhidmatan untuk hotel dan restoran di bawah pakej ekonomi yang telah diumumkan pada bulan Mei 2003.

Defisit dibiayai melalui pinjaman dalam negeri bukan inflasi oleh kerana situasi mudah tunai yang lega. Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan meningkat sedikit sebayak 3.6% kepada RM188.6 bilion, mencakup sebanyak 48.9% daripada KDNK pada akhir bulan September 2003 (47.2% pada akhir bulan Jun). Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan dapat dibendung pada 20.7% daripada hutang luar negara.

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]



[a] Awalan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Dasar monetari yang akomodatif menyokong mengukuhkan permintaan domestik

Penunjuk monetari dan kewangan pada suku ketiga turut mencerminkan permintaan domestik yang lebih kukuh. Walaupun kadar dasar Bank Negara Malaysia, iaitu Kadar Campurtangan 3-bulan, kekal tidak berubah pada 4.5% sepanjang suku ketiga, kesan daripada penurunan kadar dasar sebanyak 50 mata asas pada bulan Mei 2003 dan suasana kompetitif yang meningkat telah ditunjukkan oleh penurunan dalam kadar purata pinjaman bank perdagangan dan syarikat kewangan. Berikutan sentimen pengguna dan perniagaan yang semakin kukuh sejajar dengan prospek pertumbuhan ekonomi yang lebih positif, kadar faedah yang rendah telah berkesan dalam menyokong pertumbuhan ekonomi, terutama dalam merangsang aktiviti pelaburan swasta.

Kadar Faedah

	2002	2003	
	S3	S2	S3
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar campurtangan 3-bulan	5.0	4.5	4.5
Kadar antara bank			
Semalaman	2.74	2.77	2.75
1 bulan	2.98	2.98	2.99
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.39	6.00	6.00
Syarikat kewangan	7.45	6.90	6.90
Kadar purata pinjaman (ALR)			
Bank perdagangan	6.62	6.22	6.17
Syarikat kewangan	9.92	9.28	9.16
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.20	3.00	3.00
12 bulan	4.00	3.70	3.70
Syarikat kewangan			
3 bulan	3.20	3.01	3.00
12 bulan	4.00	3.72	3.68

Kadar Faedah Jangka Panjang



Aktiviti pembiayaan meningkat

Berikutan keyakinan yang lebih kukuh dan permintaan domestik yang lebih tinggi, keperluan untuk pembiayaan meningkat pada suku ketiga. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran bon meningkat, pada kadar tahunan sebanyak 13.9% pada suku ketiga kepada RM124.5 bilion (S2: RM 117 bilion). Sebahagian besar daripada peningkatan dalam permintaan untuk pembiayaan diperoleh daripada dana yang disalur oleh sistem perbankan. Jumlah pengeluaran pinjaman mencatat

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



pertumbuhan yang lebih tinggi, begitu juga penunjuk pelopor iaitu permohonan dan kelulusan pinjaman. Pada suku ini, pengeluaran pinjaman meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 14.6%.

Pembiayaan sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal

	Pada tempoh (RM b)			Pertumbuhan tahunan	
	2002	2003		2003	
	S3	S2	S3	S2	S3
Jumlah pembiayaan kasar	**109.3**	**117.0**	**124.5**	**-1.9**	**13.9**
Pengeluaran pinjaman	101.1	104.5	115.9	-0.3	14.6
PDS kasar[2]	6.2	12.0	6.4	62.1	2.6
Ekuiti	1.9	0.6	2.2	-91.8	14.4
				(Pada akhir tempoh, %)	
Jumlah bersih pembiayaan (A)+(B)	**9.6**	**14.1**	**13.0**	**7.7**	**8.2**
Sistem perbankan	6.8	8.3	10.1	5.1	5.7
Baki pinjaman[1] (A)	4.3	10.4	8.7	3.8	4.7
Pegangan PDS	2.5	-2.1	1.4	31.6	24.3
PDS terkumpul[2] (B)	5.3	3.7	4.3	27.2	24.9

1 Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta.

2 PDS tidak termasuk bon Cagamas memandangkan pembiayaan oleh Cagamas termasuk dalam pinjaman sistem perbankan.

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman				Baki Pinjaman
	Pada suku			Bahagian daripada jumlah	Bahagian daripada jumlah
	2002	2003			
	S3	S2	S3	S3	
	RM bilion			%	
Perusahaan perniagaan	67.9	71.5	79.5	68.6	49.3
Syarikat besar		*52.3*	*57.5*	*49.6*	*33.7*
PKS		*19.1*	*21.9*	*19.0*	*15.6*
Isi rumah	26.8	27.3	30.6	26.4	44.2
Mengikut sektor					
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	2.3	2.5	3.1	2.6	2.2
Perlombongan dan kuari	0.5	0.3	0.7	0.6	0.3
Perkilangan	26.0	26.7	27.9	24.1	13.1
Sektor harta benda yang luas	18.8	19.0	21.1	18.2	38.5
Pembinaan	*6.6*	*6.6*	*7.3*	*6.3*	*7.1*
Pembelian rumah kediaman	*8.0*	*8.6*	*9.7*	*8.4*	*22.1*
Pembelian harta tanah bukan kediaman	*2.2*	*2.3*	*2.6*	*2.3*	*5.9*
Harta tanah	*2.1*	*1.5*	*1.4*	*1.2*	*3.4*
Bekalan elektrik, gas dan air	1.6	1.6	2.0	1.7	1.2
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	16.0	17.5	17.1	14.8	7.9
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	2.5	3.5	4.3	3.7	2.9
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	5.1	6.2	9.7	8.4	6.5
Kredit penggunaan	17.6	17.3	18.9	16.3	17.2
di antaranya:					
Kad kredit	*6.5*	*7.1*	*7.9*	*6.8*	*2.3*
Pembelian kereta penumpang	*6.8*	*6.0*	*6.7*	*5.8*	*11.7*
Pembelian sekuriti	2.4	2.7	4.0	3.4	6.0
Pembelian kereta pengangkutan	0.5	0.2	0.2	0.2	0.6
Lain-lain	7.7	6.9	6.9	6.0	3.5
Jumlah	**101.1**	**104.5**	**115.9**	**100.0**	**100.0**

Pinjaman yang disalurkan kepada sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS), isi rumah dan juga perusahaan perniagaan yang besar meningkat dengan nyata. Pada keseluruhannya, jumlah pengeluaran pinjaman kepada perusahaan perniagaan meningkat pada kadar yang tinggi iaitu sebanyak 17% berbanding dengan 14.1% bagi sektor isi rumah.

Mengikut sektor, peningkatan dalam pinjaman yang dikeluarkan kepada perusahaan perniagaan adalah meluas, dengan bahagian yang lebih tinggi dicatat oleh sektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan, dan sektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan. Kenaikan dalam aktiviti pinjaman kepada perusahaan perniagaan mencerminkan kegiatan ekonomi yang kian kukuh serta perlengahan penerbitan bon di pasaran bon berikutan peruncingan keluk hasil disebabkan jangkaan ekonomi yang semakin kukuh.

Pada kadar bersih, jumlah pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan sebanyak 4.7% pada akhir bulan September, pada kadar yang lebih tinggi berbanding 3.8% yang dicatat pada akhir bulan Jun. Jumlah pinjaman terkumpul kepada sektor PKS, yang mencakupi sebanyak 15.6% daripada jumlah baki pinjaman dan 31.5% daripada baki pinjaman kepada perusahaan perniagaan, meningkat pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 7% (4.8% pada akhir bulan Jun). Pada sembilan bulan pertama tahun 2003, jumlah pinjaman terkumpul kepada sektor PKS mengembang sebanyak RM4.8 bilion. Pada tempoh yang sama, sejumlah RM18.9 bilion pinjaman diluluskan kepada 57,877 PKS sementara jumlah pengeluaran pinjaman adalah sebanyak RM62.2 bilion.

Penunjuk Pinjaman

	Pada suku			Pertumbuhan tahunan		
	2002	2003		2002	2003	
	S3	S2	S3	S3	S2	S3
	RM bilion			(%)		
Jumlah						
Permohonan pinjaman	58.2	53.0	62.8	18.1	-8.2	7.8
Kelulusan pinjaman	37.4	38.4	40.1	6.1	6.8	7.1
Pengeluaran pinjaman	101.1	104.5	115.9	8.0	-0.3	14.6
Bayaran balik pinjaman	101.1	96.8	109.9	10.1	-3.3	8.7
Perubahan baki pinjaman[1]	4.3	10.4	8.7	7.0	3.8	4.7
Di antaranya:						
Perusahaan perniagaan						
Permohonan pinjaman	35.5	28.3	33.7	t.d.	-16.7	-5.0
PKS	t.d.	9.7	12.1	t.d.	t.d.	t.d.
Lain-lain	t.d.	18.5	21.6	t.d.	t.d.	t.d.
Kelulusan pinjaman	19.0	19.9	20.3	11.1	11.5	7.0
PKS	t.d.	5.9	6.4	t.d.	t.d.	t.d.
Lain-lain	t.d.	14.0	13.9	t.d.	t.d.	t.d.
Pengeluaran pinjaman	67.9	71.5	79.5	3.3	-2.8	17.0
PKS	t.d.	19.1	21.9	t.d.	t.d.	t.d.
Lain-lain	t.d.	52.3	57.5	t.d.	t.d.	t.d.
Bayaran balik pinjaman	69.8	66.3	77.0	0.0	-4.0	10.4
Perubahan baki pinjaman[1]	-1.8	3.8	0.4	-3.3	-1.7	-0.9
PKS	-0.1	1.3	1.5	-0.8	4.8	7.0
Lain-lain	-1.7	2.5	-1.1	-4.2	-4.4	-4.1
Isi rumah						
Permohonan pinjaman	22.4	24.0	28.1	t.d.	9.5	25.2
Kelulusan pinjaman	17.7	18.2	19.2	2.5	1.7	8.2
Pengeluaran pinjaman	26.8	27.3	30.6	12.9	6.2	14.1
Bayaran balik pinjaman	20.9	21.6	23.8	14.4	6.5	13.5
Perubahan baki pinjaman[1]	7.8	5.9	7.9	17.1	12.7	12.2

1/ Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh

Pada keseluruhannya, pembiayaan bersih yang diberikan oleh sistem perbankan melalui pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta meningkat sebanyak 5.7% pada akhir bulan September, sementara pembiayaan bersih melalui sistem perbankan dan pasaran bon meningkat sebanyak 8.2%. Nisbah pinjaman-deposit, termasuk pegangan sekuriti hutang swasta kekal tinggi pada tahap 93.5% pada akhir bulan September (93.7% pada akhir bulan Jun).

Peningkatan yang mapan dalam berian pinjaman bank kepada PKS



Kadar pertumbuhan agregat monetari lebih tinggi

Kadar pertumbuhan ketiga-tiga agregat monetari meningkat, mencerminkan sentimen pengguna dan perniagaan yang semakin pulih. Manakala pengembangan yang lebih pesat dalam M1 (11.9%) mencerminkan peningkatan dalam permintaan mudah tunai oleh pengguna dan perniagaan, pengembangan yang lebih tinggi dalam M3 (9.2%) disokong oleh aktiviti pinjaman yang lebih tinggi oleh sistem perbankan serta peningkatan dalam operasi luar negara.

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Penentu-penentu M3

	Perubahan pada tempoh		
	2002	2003	
	S3	S2	S3
	RM bilion		
M3	7.5	8.7	13.0
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	4.9	5.3	-5.5
Tuntutan ke atas sektor swasta	6.4	8.6	13.0
Operasi luar bersih[1]	-2.1	0.3	10.6
Pengaruh lain	-1.7	-5.5	-5.1

[1] Sebelum penilaian semula.

Pasaran Modal

Dana yang lebih tinggi diperoleh daripada pasaran modal

Pada suku ketiga, dana yang diperoleh daripada pasaran modal terus meningkat disebabkan oleh dana lebih tinggi yang diperoleh daripada pasaran ekuiti. Jumlah bersih dana yang diperoleh daripada terbitan baru sekuriti hutang swasta, penyenaraian baru dalam pasaran ekuiti dan beberapa pembukaan semula dan terbitan baru Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) berjumlah RM13.5 bilion (RM10.8 bilion pada suku sebelumnya).

Peningkatan prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada suku ketiga 2003 menggalakkan sektor swasta mendapatkan pembiayaan daripada pasaran ekuiti. Dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti adalah nyata lebih tinggi berjumlah RM2.2 bilion pada suku ini. Terdapat sebanyak 19 penyenaraian baru di BSKL dengan masing-masing tujuh penyenaraian di Papan Utama dan Papan Kedua serta lima lagi disenaraikan di MESDAQ. Dana yang diperoleh melalui terbitan awam permulaan (IPO) juta dan diterbitkan oleh syarikat dalam sektor teknologi, barangan industri dan barangan pengguna berjumlah RM505. Pada suku ketiga, tujuh syarikat dinyahsenaraikan.

Dari segi jumlah kasar, terbitan baru sekuriti hutang swasta (tidak termasuk bon Cagamas) menurun kepada RM6.4 bilion (RM12 bilion pada suku sebelumnya). Ketidaktentuan dalam pasaran bon berikutan jangkaan prospek pemulihan ekonomi bagi AS dan seterusnya bagi Malaysia menyebabkan syarikat-syarikat korporat melengahkan penerbitan. [Beberapa syarikat beralih kepada sistem perbankan bagi tujuan pembiayaan.] Terbitan baru terutamanya diterbitkan dalam bentuk bon yang disokong asset dan bon biasa. Sesudah ditolak penebusan, dana bersih yang diperoleh daripada pasaran sekuriti hutang swasta adalah lebih rendah sebanyak RM3.7 bilion (RM4.5 bilion pada suku sebelumnya). Dana yang diperoleh melalui pasaran sekuriti hutang swasta pada suku ini adalah terutamanya bagi tujuan pembiayaan (44.3% daripada jumlah terbitan) dan penstrukturan semula (20.7%).

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2002		2003 [a]		
	S3	Jan-Sep	S2	S3	Jan-Sep
	RM juta				
Oleh Sektor Awam					
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	3,677	10,266	8,132	12,632	38,494
Tolak Penebusan	1,000	6,900	1,500	6,800	18,600
Tolak Milikan Kerajaan	-	-	-	-	-
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	2,677	3,366	6,632	5,832	19,894
Khazanah Bon, *bersih*	-	-	(138)	(183)	556
Terbitan Pelaburan Kerajaan, *bersih*	-	-	-	-	1,729
Bon Simpanan Malaysia, *bersih*	(3)	466	(2)	(2)	(7)
Dana bersih yang diperoleh	2,674	3,832	6,492	5,647	22,172
Oleh Sektor Swasta					
Saham	1,935	11,179	592	2,157	3,349
Sekuriti hutang	8,456	24,495	12,911	10,165	40,483
Private Debt Securities (PDS)	*6,211*	*16,025*	*11,966*	*6,370*	*34,522*
Cagamas	*2,245*	*8,470*	*945*	*3,795*	*5,960*
Tolak Penebusan	3,458	23,866	9,240	4,482	15,898
Net Issues	4,997	628	3,671	5,684	24,584
Net issues (excluding Cagamas)	*5,077*	*(2,795)*	*4,497*	*3,744*	*23,776*
Dana bersih yang diperoleh	6,932	11,808	4,263	7,840	27,934
Jumlah Dana Bersih yang Diperoleh	9,606	15,640	10,755	13,487	50,107

[a] Awalan

Terbitan PDS mengikut Tujuan Penggunaan



Pasaran ekuiti terus mengukuh

Prestasi BSKL terus meningkat pada suku ketiga. Sentimen pasaran meningkat oleh pemulihan prospek ekonomi Malaysia di samping perkembangan korporat yang memberangsangkan prestasi pasaran ekuiti global. Pada keseluruhan suku ketiga, Indeks Komposit BSKL (IK BSKL) meningkat sebanyak 6% sejak akhir suku kedua dan sebanyak 13.5% sejak akhir tahun 2002. Pemodalan pasaran dan purata aktiviti dagangan harian pada suku ini meningkat, masing-masing sebanyak RM572.3 bilion dan 644.3 juta unit. Pemulihan minat pelabur asing adalah ketara di BSKL, manakala penyertaan aktif pelabur runcit mencerminkan sebahagiannya penukaran lot bursa kepada 100 saham pada 26 Mei 2003.

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada Suku Ketiga 2003



BSKL: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir				
	2002		2003		
	S3	Jan-Sep	S2	S3	Jan-Sep
Indeks Harga					
- Komposit	638.01	638.01	691.96	733.45	733.45
- EMAS	155.39	155.39	170.23	182.03	182.03
- Papan Kedua	102.89	102.89	108.96	122.03	122.03
Purata Urus niaga harian					
- Jumlah (juta unit)	159.1	251.3	286.7	644.3	389.4
- Nilai (RM juta)	349.2	536.8	457.2	958.1	605.0
Permodalan Pasaran (RM b)	476.35	476.35	532.45	572.26	572.26
Bilangan Syarikat yang disenaraikan	859	859	877	889	889

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur

BSKL: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2002				2003					
	3Q		Jan-Sep		S2		S3		Jan-Sep	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	10,501	23,045	46,740	99,854	17,775	28,349	41,877	62,274	72,039	111,916
Antaranya:										
Papan Utama	8,857	20,888	39,748	87,653	14,421	24,648	27,849	46,225	52,879	90,270
Antaranya:										
- Barangan Pengguna	327	1,504	1,379	6,593	509	1,959	857	2,768	1,675	6,208
- Barangan Perusahaan	738	1,447	3,098	5,133	1,429	2,105	3,911	5,406	6,050	9,046
- Pembinaan	745	1,516	3,388	7,465	1,181	1,796	2,088	3,967	4,751	7,450
- Perdagangan/Perkhidmatan	2,382	8,171	9,839	31,555	3,329	9,009	5,993	14,829	12,113	31,002
- Kewangan	1,370	4,386	6,039	18,753	1,908	4,422	3,497	8,471	6,937	16,676
- Harta benda	963	765	4,658	4,279	2,942	2,210	5,215	4,567	9,527	7,743
- Perladangan	234	1,016	990	4,024	307	1,129	675	1,815	1,278	4,228
- Perlombongan	45	106	205	509	53	92	42	67	143	251
Papan Kedua	1,462	2,079	6,670	12,010	2,685	3,377	8,069	12,103	12,345	17,286

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur

Sentimen pasaran terus bertambah kukuh berikutan perkembangan positif yang berterusan, termasuk peningkatan penarafan kredit berdaulat pertukaran asing jangka panjang Malaysia oleh Standard & Poor's. Setakat 14 November, Indeks Komposit KLSE ditutup pada 792.2 mata (+8.1% semenjak akhir bulan September) dengan modal pasaran yang lebih tinggi berjumlah RM636.7 bilion (+11.3% sejak akhir bulan September).

Dagangan sekunder lebih rendah dalam pasaran bon

Jumlah perolehan dalam pasaran sekunder bon menguncup kepada RM97.4 bilion pada suku ketiga di dalam keadaan kadar hasil yang tinggi (RM153.1 bilion pada suku sebelumnya). Pada suku ketiga, kadar hasil SKM meningkat sebanyak 85 mata asas bagi SKM 5-tahun dan 70 mata asas bagi SKM 10-tahun. Kadar hasil yang tinggi ke atas keseluruhan kertas dan tempoh matang dipengaruhi oleh kadar hasil yang tinggi di pasaran Perbendaharaan Amerika Syarikat serta meningkatnya jangkaan baik terhadap prospek ekonomi global, serantau dan dalam negeri.

Walaupun dalam keadaan urus-niaga yang rendah, kertas SKM kekal sebagai bon yang paling aktif diniagakan, mencakupi 43.1% daripada jumlah urus niaga. Bon Cagamas dan bon Khazanah mencatat aktiviti urus niaga yang tinggi pada

Keluk Kadar Hasil SKM Mencuram



Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga/ Nilai Terkumpul



sepanjang suku ketiga, sebahagiannya disebabkan oleh terbitan yang tinggi bagi bon Cagamas dan bon Khazanah yang baru diterbitkan bagi menggantikan penyertaan yang telah matang.

Kadar Pertukaran

Selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa pada suku ketiga tahun 2003, ringgit menyusut nilai berbanding mata wang utama dan mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau. Dolar AS menjadi kukuh pada awal suku ketiga berikutan sikap optimis pasaran pada prospek pemulihan ekonomi AS yang bertambah cerah. Walau bagaimanapun, dolar AS menyusut nilai menjelang akhir suku ketiga selepas pasaran mengalih perhatian kepada defisit akaun semasa dan fiskal yang besar. Kelemahan dolar AS juga mencerminkan reaksi pasaran yang ketara ekoran kenyataan Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat Negara-Negara G-7 pada 20 September yang menekankan keperluan kadar pertukaran mata wang asing yang fleksibel bagi memudahkan penyelarasan akaun semasa dan pertumbuhan ekonomi global yang lebih seimbang. Yen Jepun meningkat nilai disebabkan oleh prestasi pasaran saham yang kukuh dan jangkaan pasaran bahawa campur tangan di

pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa akan menjadi kurang agresif.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Utama



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Serantau



Mata wang serantau terutamanya memperoleh manfaat daripada jangkaan pasaran mengenai pemulihan pertumbuhan ekonomi global, kemasukan dana portfolio dan yen Jepun yang lebih kukuh.

Kadar pertukaran ringgit terus disokong oleh tahap rizab mata wang asing yang kukuh, kadar inflasi yang rendah, lebihan akaun semasa yang berterusan, hutang luar negara yang rendah serta sistem perbankan yang kukuh dan berdaya tahan.

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Akhir-Jun 1997	2 September 1998	Akhir-S2 2003	Akhir-S3 2003	% perubahan [1] Akhir-Jun 1997	% perubahan [1] 2 September 1998	% perubahan [1] Akhir-S2 2003
Dolar AS	2.5235	3.8000	3.8000	3.8000	-33.6	0.0	0.0
Euro	-	-	4.3463	4.4160	-	-	-1.6
Paun sterling	4.1989	6.3708	6.2835	6.3439	-33.8	0.4	-1.0
100 yen Jepun	2.2088	2.7742	3.1708	3.4205	-35.4	-18.9	-7.3
Dolar Singapura	1.7647	2.1998	2.1631	2.1984	-19.7	0.1	-1.6
100 baht Thai	9.7470	9.3713	9.0541	9.5048	2.5	-1.4	-4.7
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	7.0995	6.9179	38.6	27.6	2.6
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0459	0.0452	129.6	-21.7	1.5
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3178	0.3304	-14.0	-14.4	-3.8

[1] (+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

PERKEMBANGAN DALAM SISTEM PERBANKAN

Sistem perbankan terus mempamerkan kedudukan kewangan yang kukuh. Perkembangan yang menggalakkan dapat dilihat dengan pinjaman tidak berbayar (NPL) yang terus menurun sementara kedudukan modal kekal pada paras yang tinggi, seterusnya menyediakan lebihan yang mencukupi bagi menangani sebarang kejutan kewangan terhadap sistem. Pendapatan yang lebih tinggi dicatat hasil daripada pertumbuhan pinjaman yang lebih kukuh dan seiring dengan pengurangan perbelanjaan operasi telah menghasilkan peningkatan dalam pendapatan operasi kasar.

Kedudukan modal yang kukuh menyokong operasi perbankan yang lebih besar

Kedudukan modal asas kekal pada tahap yang tinggi sebanyak RM69 bilion pada akhir bulan September 2003. Sementara itu, jumlah aset berwajaran risiko meningkat sebanyak 2.1% pada suku ketiga terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam jumlah pinjaman. Hasilnya, nisbah modal berwajaran risiko menurun sebanyak 0.3 mata peratusan kepada 13.4% pada akhir bulan September 2003, sementara nisbah modal teras menurun sebanyak 0.2 mata peratusan kepada 10.9%.

Permodalan bank mapan

	2002		2003		
	Sep.	Dis.	Mac	Jun	Sep.
Modal					
Nisbah modal teras (%)	11.0	11.1	11.0	11.1	10.9
RWCR (%)	13.3	13.2	13.2	13.7	13.4

Keuntungan operasi yang lebih tinggi berikutan pendapatan operasi perbankan yang kukuh dan kos yang terkawal

Sistem perbankan mencatat keuntungan kasar yang lebih tinggi sebanyak RM3 bilion pada suku ketiga (RM2.9 bilion pada suku kedua) terutamanya disebabkan oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada aktiviti pemberian pinjaman dan pembiayaan, pulangan daripada sekuriti pelaburan yang lebih baik dan pendapatan daripada aktiviti berasaskan fi yang lebih kukuh. Perbelanjaan faedah bagi deposit adalah lebih rendah pada suku ketiga sementara kos operasi menurun sedikit sebanyak 0.8%.

Berikutan penurunan tahap NPL, jumlah bersih peruntukan kerugian pinjaman berkurangan dengan ketara sebanyak RM1.1 bilion kepada RM2.2 bilion pada suku ketiga. Walau bagaimanapun, peningkatan keuntungan operasi telah diimbangi oleh penurunan dalam pendapatan bersih daripada aktiviti urusniaga dan pelaburan sebanyak RM0.7 bilion, khususnya bagi bank perdagangan dan saudagar, sebahagian besarnya disebabkan penurunan pulangan ke atas bon. Oleh itu, pendapatan sebelum cukai pada suku ketiga berjumlah RM2.4 bilion (suku kedua 2003: RM2.7 bilion).

Pinjaman tidak berbayar terus mencatat penurunan

Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 dan 3 bulan masing-masing menurun kepada tahap 6.5% dan 9.0% pada akhir bulan September 2003 (akhir Jun: masing-masing pada tahap

Sistem Perbankan: Pinjaman tidak berbayar



6.8% dan 9.5%). NPL yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh NPL baru yang jauh lebih rendah iaitu sebanyak RM5.3 bilion (RM7.3 bilion dalam suku tahunan kedua). Di samping itu, institusi perbankan terus mencatat pemulihan dan pengkelasan semula yang kukuh sebanyak RM4.9 bilion. Sementara itu, tahap perlindungan kerugian stabil pada 61.4%.

Dari segi sektor ekonomi, paras NPL untuk sektor perniagaan terus mencatat penurunan. Pada akhir bulan September 2003, nisbah NPL kasar menurun kepada 15.9% berbanding 16.3% pada akhir bulan Jun 2003. Penurunan NPL yang paling ketara dicatat oleh sektor komuniti, persendirian dan perkhidmatan sosial, dan sektor perkhidmatan kewangan berikutan pelaksanaan beberapa usaha penyusunan semula. NPL bagi sektor isi rumah kekal pada tahap 8.2%.

Ucapan Pembukaan oleh Gabenor pada Perasmian Program Pendidikan Pengguna bagi Sektor Insurans dan Takaful di Hotel Shangri-La pada 29 Ogos 2003

Ucapan oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Landskap ekonomi dan kewangan Malaysia telah mengalami peralihan yang nyata. Dalam proses tersebut, ekonomi telah menjadi lebih pelbagai dengan sumber-sumber pertumbuhan yang baru. Selaras dengan perubahan ini, kita dapat melihat pemodenan berlaku dalam sektor kewangan yang turut menjadi semakin pelbagai demi memenuhi keperluan baru dalam ekonomi. Terdapat juga kemunculan saluran pengagihan yang baru dan pemusatan saluran pengagihan dalam sektor kewangan. Sektor kewangan juga telah banyak meraih kemajuan teknologi yang telah merubah tata cara pengendalian perniagaan kewangan dengan ketara. Hasil kemajuan pasaran yang terus mempelbagaikan produk dan perkhidmatan kewangan, pengguna kini berhadapan dengan pilihan yang semakin kompleks dalam mengurus kewangan peribadi dan pendedahan risiko. Dalam landskap kewangan yang semakin kompleks ini, keupayaan pengguna memperoleh maklumat menjadi semakin penting. Oleh itu, pendidikan kewangan juga menjadi semakin penting bagi pengguna di Malaysia, justeru ia menjadi keutamaan bagi Bank Negara Malaysia.

Oleh itu, saya dengan sukacitanya melancarkan Program Pendidikan Pengguna bagi industri insurans dan takaful pada hari ini. Ini merupakan langkah penting dalam evolusi pembangunan yang berterusan sistem kewangan kita. Bahkan, ini juga merupakan sebahagian daripada usaha menyeluruh untuk mempromosi integriti pasaran dan perlindungan pengguna bagi keseluruhan aktiviti perbankan, insurans dan takaful. Supaya pengguna menyedari sepenuhnya faedah yang diperolehi daripada peningkatan peluang-peluang yang tersedia dalam persekitaran kewangan yang sentiasa berubah, pengguna perlu bersedia mengurus aset kewangan mereka secara aktif dan pada masa yang sama, melindungi masa depan kewangan mereka.

Maklum balas orang ramai terhadap pelancaran Program Pendidikan Pengguna bagi sektor perbankan yang dilancar pada awal tahun ini adalah begitu memberangsangkan. Sehingga kini, lebih daripada dua juta pelawat telah melayari laman web "BankingInfo" dan lebih daripada 360,000 buku kecil telah diedarkan kepada pengguna. Pelancaran Program Pendidikan Pengguna bagi industri insurans dan takaful pada hari ini adalah menjadi sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan kemampuan pengguna dalam memahami dan membuat perbandingan yang bermakna ke atas produk kewangan yang berbeza-beza dan membuat keputusan berdasarkan maklumat yang jelas mengenai perancangan kewangan.

Dalam merumus strategi pendidikan pengguna, ciri-ciri penting mengenai industri insurans telah diambil kira bagi memenuhi keperluan maklumat pengguna insurans. Kontrak insurans pada dasarnya dibuat berlandaskan pendedahan maklumat oleh bakal pemegang polisi mengenai risiko-risiko yang akan diinsuranskan. Pendedahan berkenaan akan menentukan sama ada penanggung insurans bersetuju untuk menerima risiko tersebut serta harga yang ditawarkan bagi penerimaan risiko berkenaan. Bagi membolehkan tuntutan dibuat ke atas penanggung insurans, ia bergantung kepada pendedahan maklumat yang tepat dan sempurna. Proses pengunderaitan dan penilaian tuntutan ini membezakan insurans dengan produk kewangan yang lain. Terdapat juga lebih banyak pengantara dalam industri insurans berbanding dengan industri perkhidmatan kewangan yang lain. Pengantara industri insurans meliputi ejen insurans, broker insurans dan penasihat dalam proses pengagihan, dan pelaras kerugian, organisasi pengurusan kesihatan, peguam dan bengkel membaiki kenderaan dalam proses tuntutan.

Ciri-ciri insurans yang unik memberi implikasi yang penting ke atas pendedahan dan liabiliti yang secara langsung memberi kesan kepada orang ramai yang diinsuranskan. Implikasinya menjadi lebih ketara apabila tekanan persaingan mempergiatkan pengenalan produk baru yang memerlukan pemahaman yang lebih baik kepada kebanyakan pengguna mengenai produk tersebut. Dengan itu, matlamat khusus bagi Program Pendidikan Pengguna bagi sektor insurans dan takaful adalah:-

- Untuk menggalakkan orang ramai memahami maklumat-maklumat penting semasa membeli produk dan perkhidmatan insurans dan takaful;
- Untuk mendedahkan orang ramai dengan proses pengunderaitan dan tuntutan; dan
- Untuk mewujudkan kesedaran mengenai amalan pasaran yang beretika supaya pengguna menjadi lebih arif dan bijak dalam membuat keputusan.

Program Pendidikan Pengguna berhasrat untuk memberikan maklumat-maklumat yang relevan kepada pengguna mengenai produk insurans, kos yang ditanggung dan faedah yang diperolehinya, proses dan dokumentasi yang terlibat dalam kitaran insurans, dan yang lebih penting, hak-hak dan tanggung jawab pelbagai pihak yang terlibat dalam kontrak insurans. Ini juga bagi meningkatkan kesedaran yang lebih luas di kalangan pengguna mengenai cara dan saluran untuk menyelesaikan pertikaian atau rasa tidak puas hati dengan mana-mana produk dan perkhidmatan insurans.

Program Pendidikan Pengguna bagi sektor insurans ini akan berterusan selama 10 tahun dan akan diadakan dalam beberapa tahap dengan pendekatan secara berperingkat-peringkat bagi mendekati pelbagai kumpulan sasaran. Seperti Program Pendidikan Pengguna untuk sektor perbankan, Program Pendidikan insurans telah diberikan nama singkatan atau akronim "InfoInsurans"('InsuranceInfo' dalam Bahasa Inggeris). Suatu masa nanti, akronim dan program ini dijangka akan dikenali orang ramai.

Pada tahun pertama, Program Pendidikan Pengguna akan menumpukan kepada penyebaran maklumat yang meluas dalam 12 bidang utama yang telah dikenal pasti. Ini termasuk isu-isu mengenai asas-asas produk dan perkhidmatan insurans dan takaful, penekanan kepada terma-terma dan syarat-syarat penting, hak dan tanggungjawab di bawah

kontrak polisi serta saluran penyelesaian yang tersedia dan produk-produk insurans dan takaful yang dikenali ramai. Dengan penglibatan daripada persatuan-persatuan insurans, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan 12 buku kecil yang memberi maklumat penting kepada pengguna mengenai perkara tersebut. Buku-buku kecil ini boleh didapati daripada ibu pejabat dan pejabat-pejabat cawangan penanggung insurans dan pengendali takaful, serta di beberapa pejabat cawangan bank yang tertentu yang mempunyai kegiatan bankasurans.

Untuk menangani cabaran-cabaran dalam pendidikan kewangan, pemuafakatan bersama adalah penting. Tiada suatu organisasi yang akan dapat memenuhi kesemua permintaan bagi pendidikan pengguna. Walaupun Bank Negara Malaysia akan terus aktif memastikan industri insurans berkembang, mengeluarkan dan menyalurkan bahan dan inisiatif dalam pendidikan, proses tersebut perlulah diterajui oleh industri sendiri.

Pengantara insurans berupaya menyediakan hubungan secara langsung dengan orang ramai yang diinsuranskan. Oleh itu, ia menjadi bahagian terpenting dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai insurans. Dengan anggaran sebanyak 147,000 ejen di pasaran pada masa ini, tenaga agensi ini boleh memberi sumbangan penting ke arah meningkatkan tahap kesedaran kewangan di kalangan rakyat Malaysia melalui InfoInsurans. Begitu juga bagi berbagai persatuan pengguna, melalui hubungan langsung dengan pengguna, mereka dapat memainkan peranan penting untuk mempromosikan pergerakan pengguna yang aktif dengan menyediakan panduan yang berguna kepada pengguna dalam mengendalikan isu-isu berkaitan insurans dan takaful. Jalinan hubungan mereka yang luas, rapat dan baik dengan pengguna boleh menyumbang kepada kejayaan Program Pendidikan Pengguna.

Kepesatan penggunaan teknologi maklumat baru secara teratur yang telah memperluaskan skop perkhidmatan kewangan, turut meningkatkan pilihan kita dalam menangani cabaran pendidikan kewangan. Dalam hal ini, laman web InfoInsurans merupakan saluran penyediaan maklumat yang penting dan berpotensi untuk digunakan secara meluas dalam menyediakan maklumat terkini dan relevan kepada orang ramai. Kesemua buku kecil dan risalah boleh didapati secara langsung dari laman web tersebut. Dari masa ke masa, laman web ini akan terus dipertingkatkan untuk menjadi pengantara yang lebih interaktif dan mesra pengguna. Ia juga membolehkan pengguna memberikan maklum balas terhadap program dan mendapat jawapan segera terhadap pertanyaan mereka.

Program Pendidikan Pengguna ini merupakan satu daripada beberapa elemen penting dalam strategi keseluruhan untuk meningkatkan infrastruktur perlindungan pengguna. Bagi mencapai hasil yang diingini iaitu standard yang tinggi dalam amalan pasaran yang diasaskan kepada prinsip integriti, etika yang sihat dan profesionalisme, Bank Negara Malaysia telah menggabungkan pelbagai polisi kawalan. Ini termasuklah membangunkan polisi, inisiatif pengawalan, semakan pematuhan dan pengawasan yang berterusan. Inisiatif terkini yang telah dilaksanakan dalam memperkukuhkan amalan pasaran dalam industri insurans termasuklah:-

- Memuktamadkan rangka kerja bagi pengenalan penasihat bebas yang berkelayakan. Penasihat bebas berkenaan akan membentuk saluran pengagihan baru bagi penjualan produk insurans hayat. Pengantara ini akan dilesenkan di bawah Akta

Insurans dan akan memiliki standard tertinggi dalam amalan berhemah, akauntabiliti dan urus tadbir bagi menjaga kepentingan pengguna.

- Keperluan kemasukan bagi ejen-ejen kini telah ditingkatkan di bawah program pelaksanaan secara berperingkat yang dimulakan sejak bulan April 2003. Di bawah program ini, peperiksaan menjadi satu kemestian bagi mengekalkan standard pendidikan ejen yang berterusan.

- Garis panduan mengenai amalan tidak adil dalam perniagaan insurans telah diperkenalkan dalam bulan April 2003 bagi menyediakan rangka kerja yang lebih menyeluruh dalam mengawal selia amalan pasaran insurans. Antara lain, garis panduan ini memperuntukkan pendedahan yang lebih baik kepada pengguna, keperluan bagi insurans dijual berdasarkan terma dan syarat yang adil, dan larangan memberi gambaran yang salah dan diskriminasi yang tidak adil.

- Garis panduan tentang Amalan Penyelesaian Tuntutan yang diperkenalkan pada tahun 1995 kini dikaji semula bagi memasukkan langkah-langkah baru dan amalan pasaran yang telah dibaiki dalam pengendalian tuntutan, serta spesifikasi kawalan minimum bagi penipuan dan amalan pengurusan risiko yang berkaitan dengan proses tuntutan.

- Standard minimum bagi pendedahan produk dan ketelusan dalam penjualan polisi insurans perubatan dan kesihatan telah dikeluarkan pada bulan Mei 2003. Standard ini memerlukan penanggung insurans dan pengantara mereka memberikan maklumat mencukupi mengenai ciri-ciri penting mengenai polisi perubatan dan kesihatan supaya pemegang polisi dapat memahami tentang peruntukan penting dalam polisi, terutamanya berhubung dengan premium, faedah, pengecualian dan had yang dikenakan di bawah polisi.

- Suatu kaji selidik juga telah dijalankan bagi menentukan tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan kewangan, termasuk insurans. Keputusan kaji selidik ini akan dapat menyediakan input yang penting untuk mewujudkan indeks kualiti perkhidmatan bagi sektor kewangan yang akan menjadi penanda aras bagi institusi kewangan menilai tahap perkhidmatan mereka dan mengenal pasti bahagian yang memerlukan pembaikan.

Dalam usaha kita mempromosikan peranan aktivisme pengguna yang lebih besar, perhatian juga telah diberikan bagi meningkatkan mekanisme penyelesaian pertikaian untuk pengguna. Dalam industri insurans, Biro Pengantaraan Insurans yang telah ditubuhkan pada tahun 1992 merupakan saluran utama di luar sistem mahkamah bagi penyelesaian pertikaian antara pemegang polisi dengan penanggung insurans mereka. Bagi meningkatkan lagi peranan Biro Pengantaraan Insurans sebagai mekanisme penyelesaian pertikaian, perluasan skop Biro yang melibatkan peningkatan dalam had tuntutan di bawah bidang pengawasannya dan memasukkan pertikaian melibatkan pihak ketiga, kini sedang dipertimbangkan. Ini akan memperluaskan spektrum khidmat Biro tersebut. Pada masa yang sama, usaha juga sedang dibuat untuk menyatukan

kedua-dua biro bagi sektor perbankan dan insurans menjadi satu Biro Pengantaraan Kewangan yang baru yang akan berfungsi sebagai satu pusat hentian bagi penyelesaian isu-isu pengguna runcit yang dibangkitkan kepada institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Mulai 1 Jun tahun ini, kami juga telah menjadikan suatu keperluan bagi semua penanggung insurans dan pengendali takaful untuk menubuhkan unit aduan masing-masing. Pengalaman menunjukkan bahawa kebanyakan aduan boleh diselesaikan secara dalaman oleh penyedia khidmat itu sendiri, terutamanya bagi aduan-aduan mengenai kelewatan dalam menyelesaikan tuntutan berikutan prosedur institusi, yang merupakan sebahagian besar daripada aduan-aduan orang ramai. Penubuhan unit aduan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful dijangka dapat menggalakkan pendekatan yang lebih pro-aktif dalam mengendalikan aduan. Aduan pengguna berkenaan juga dapat memberikan maklumat yang berguna mengenai kelemahan tentang produk dan perkhidmatan. Memberi maklum balas kepada aduan pengguna juga dapat meningkatkan kemesraan terhadap pelanggan. Tentunya, apabila kesedaran pengguna dan celik kewangan meningkat melalui pelaksanaan Program Pendidikan Pengguna ini, penyedia perkhidmatan kewangan akan menyedari pentingnya peluang bagi membina kesetiaan pelanggan dan meningkatkan pengekalan pelanggan melalui mekanisme ini.

Kemunculan teknologi baru dan inovasi pasaran lain akan membawa cabaran dan kemungkinan baru kepada perniagaan dan pengguna. Kita boleh menjangka bahawa tahap perubahan dalam industri perkhidmatan kewangan ini akan terus meningkat. Dalam usaha untuk menyesuaikan dengan perubahan ini, kita tidak sepatutnya memperkecilkan perkembangan yang bertambah baik dalam amalan kewangan dan perniagaan yang dapat dicapai menerusi penguasaan pengguna melalui pendidikan.

Ketika kita terus menerajui peningkatan dalam standard ekonomi dan keadaan kewangan individu melalui pendidikan pengguna, penglibatan meluas oleh semua pihak yang terlibat di setiap peringkat pelaksanaan program ini adalah amat penting bagi merangsang hubungan antara pihak perniagaan dengan pendidikan pengguna secara berterusan. Kejayaan kita dalam usaha penting ini akan menjadi penentu utama kepada membentuk masyarakat yang bersedia menghadapi cabaran persekitaran kewangan yang semakin dinamik dan kompleks.

Dengan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat atas kerjasama dan sumbangan serta komitmen yang diberikan bagi menjayakan Program Pendidikan Pengguna ini. Usaha-usaha sedemikian diharap akan dapat membaiki dan meningkatkan lagi prestasi dan keupayaan industri insurans dan takaful untuk memberikan pengguna produk dan perkhidmatan bertaraf antarabangsa.

Persidangan Asia Pacific Bankers Club
Shangri-la Hotel, Kuala Lumpur
Isnin, 15 September 2003
"Tinjauan dan Prospek untuk Asia"

Ucaptama oleh
Y. Bhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Tekanan yang hebat kepada perubahan diperkuat oleh perkembangan politik, ekonomi dan kewangan global telah memberi kesan ketara ke atas persekitaran ekonomi dan kewangan dalam negara. Ia bukan sahaja mengubah secara dramatik landskap ekonomi dan kewangan negara, tetapi juga mewujudkan ketidakpastian, risiko dan cabaran yang baru. Sungguhpun begitu, rantau Asia telah menunjukan daya tahan dan terus muncul sebagai kawasan pertumbuhan yang paling maju di dunia. Persoalannya adalah - sejauh manakah Asia boleh terus maju dalam suasana global yang telah berubah dan semakin sukar? Sejauh manakah pencapaian Asia pada masa lampau dapat dikekalkan dalam situasi kini yang kian mencabar?

Saya amat gembira berada di sini pada hari ini bersempena dengan Persidangan Asian Pacific Bankers Club mengenai "Kestabilan dan Cabaran Kewangan". Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran kesemua delegasi ke Kuala Lumpur. Sesungguhnya, kesemua negara di rantau ini telah memberi keutamaan yang tinggi dalam usaha mencapai kestabilan kewangan. Pelbagai tahap penstrukturan dan reformasi kewangan telah dilaksanakan bagi memperkukuhkan sistem kewangan dalam negeri. Setelah lima tahun negara-negara di rantau ini keluar daripada krisis kewangan, kita dapat melihat kewujudan semula kestabilan kewangan dan pengukuhan sistem kewangan yang ketara. Walaupun kebelakangan ini persekitaran adalah lebih mencabar, sistem kewangan di rantau ini telah menunjukkan daya tahan. Meskipun perkembangan ini adalah positif, cabaran masih tetap wujud. Memandangkan persekitaran yang semakin sukar, usaha-usaha untuk memperkukuhkan lagi sistem kewangan perlu diteruskan.

Pada hari, ini saya ingin menumpukan ucapan saya mengenai latar belakang tentang usaha-usaha yang sedang diambil. Saya akan menumpukan perhatian khusus kepada perubahan yang berlaku di rantau ini yang dianggap penting bagi memastikan prospek pertumbuhan yang berterusan di rantau ini. Dalam konteks perubahan tersebut, saya akan menyentuh tentang peranan penting sektor perbankan dari segi sumbangannya kepada proses pertumbuhan dan pembangunan.

Tahap integrasi rantau ini dengan ekonomi dunia adalah tinggi jika dilihat dari segi tingginya jumlah perdagangan dan kemasukan pelaburan antara rantau ini dan negara-negara lain di dunia. Walaupun ia telah memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan di rantau ini, ia juga telah meningkatkan kemungkinan kesan negatif akibat perubahan permintaan aliran pelaburan. Malahan,

perkembangan di negara-negara maju berikutan pecahnya gelembung teknologi, kejatuhan besar-besaran pasaran saham yang belum pernah berlaku sebelum ini, dan ketidakpastian ekoran ketegangan geopolitik antarabangsa, kesemuanya memberi kesan kepada rantau ini.

Dalam keadaan sekarang, terdapat petanda bahawa pemulihan di negara-negara maju mula mengukuh dan ini memberi kesan positif kepada rantau ini. Walaupun kadar pertumbuhan di negara-negara maju masih di bawah tahap potensi mereka, ia telah disemak semula bagi mencerminkan peningkatan dalam aktiviti penggunaan dan pelaburan perniagaan. Penunjuk pelaburan perniagaan yang paling menggalakkan ialah pelaburan di bidang teknologi maklumat (IT), yang meningkat lebih kukuh daripada jangkaan. Ini disokong oleh kedudukan kewangan korporat yang lebih baik dan suasana kadar faedah yang rendah. Di Jepun, tanda-tanda pemulihan mula kelihatan, tetapi di kawasan euro, penunjuk sentimen perniagaan menjurus kepada penstabilan daripada keadaan lemah yang wujud sekarang. **Perkembangan ini merupakan satu petanda baik bagi pertumbuhan rantau ini bagi tempoh separuh kedua tahun ini dan tahun 2004.** Malahan prestasi positif pasaran saham global mencerminkan jangkaan pertumbuhan masa depan yang lebih kukuh.

Walaupun trend ini sungguh menggalakkan bagi rantau ini, kita perlu melihat di sebalik prospek pemulihan kitaran semasa. Beberapa **ketidakseimbangan yang ketara masih wujud dalam ekonomi global.** Satu isu penting yang perlu diatasi ialah ketidakseimbangan pertumbuhan yang berlaku dalam ekonomi dunia yang dapat diselesaikan melalui pelarasan teratur ekonomi negara-negara berkaitan dan pasaran kewangan. Pelarasan tersebut perlu dilakukan di samping mengekalkan pertumbuhan ekonomi global yang kukuh. Pertumbuhan global masih bergantung kepada Amerika Syarikat yang merupakan rakan dagangan yang penting. Ini dapat dilihat menerusi **defisit yang besar dan berterusan dalam akaun semasa dan bajet** di Amerika Syarikat, memandangkan negara tersebut terus kekal sebagai **pembeli bersih kepada keluaran dunia.** Sebaliknya, kawasan Asia dan euro terus mencatat lebihan yang besar. Ini juga mencerminkan **peningkatan aset yang pesat berasaskan dolar Amerika di Asia,** berikutan defisit Amerika Syarikat yang sebahagiannya dibiayai oleh aliran masuk modal daripada negara-negara Asia. Di samping itu, pelarasan ke atas lebihan pelaburan terdahulu terus menyekat aktiviti pelaburan baru dan kini pertumbuhan bergantung kepada permintaan yang mapan. Ketidakseimbangan global ini adalah tidak mapan dalam jangka masa pertengahan. Tambahan pula sebarang **pelarasan yang besar dan tidak teratur ke atas kadar pertukaran** akan memberi kesan buruk kepada pertumbuhan rantau ini dan juga pertumbuhan global secara keseluruhannya. Walaupun berlaku krisis kewangan Asia, ketegangan geopolitik pada beberapa tahun kebelakangan ini dan yang terbaru ialah wabak SARS, **Asia kekal sebagai rantau yang paling pesat pertumbuhannya di dunia.** Pertumbuhan bagi rantau ini secara keseluruhannya dijangkakan lebih kurang satu setengah kali ganda lebih tinggi berbanding dengan purata global.

Isu yang perlu dihadapi kita ialah sejauh manakah Asia boleh mengekalkan prospek pertumbuhan yang mapan dalam jangka panjang di persekitaran ekonomi global yang sukar? Sejauh manakah ketidakseimbangan global memerlukan rantau ini menampung bebanan penyelarasannya? Bagaimanakah rantau ini boleh menyumbang ke

arah pertumbuhan global yang seimbang? Dalam menghadapi risiko dan tekanan tersebut, rantau ini dibantu oleh beberapa faktor dasar yang kukuh sebagai asas bagi memastikan pertumbuhan pada masa depan.

Faktor-faktor yang mempengaruhi prospek pertumbuhan Asia

Pertama, pertumbuhan diterajui oleh permintaan dalam negeri

Permintaan dalam negeri negara-negara di rantau ini merupakan pendorong pertumbuhan yang semakin penting dan mempunyai potensi yang besar untuk terus menyumbang kepada prospek pertumbuhan yang mapan di rantau Asia. Permintaan dalam negeri yang kukuh mencerminkan peningkatan permintaan bagi barangan dan perkhidmatan, seterusnya mewujudkan kesan kekukuhan diri yang positif. Walaupun pertumbuhan yang diterajui oleh permintaan dari luar negeri masih penting, **tumpuan ke arah mengukuhkan permintaan dalam negeri yang meningkat akan mengurangkan kesan negatif daripada perkembangan luar negeri.**

Kedua, peranan permintaan swasta

Memandangkan fokus ke atas permintaan dalam negeri bertujuan mendapat manfaat pertumbuhan ekonomi yang mapan dan seimbang, salah satu faktor pemangkin yang penting ialah **peranan penggunaan swasta.** Penggunaan swasta berupaya meningkatkan keupayaan permintaan dalam negeri di rantau ini. Sumbangan penggunaan kepada pertumbuhan ekonomi negara-negara di rantau ini telah meningkat, disokong oleh peningkatan pendapatan per kapita yang telah bertambah sebanyak 4% setahun bagi tempoh 2000 - 2002. Penggunaan juga disokong oleh rangsangan fiskal dan kewangan. Ini telah meningkatkan pendapatan dan mengukuhkan perkembangan kredit bagi perbelanjaan isi rumah termasuk pembelian rumah. Kadar tabungan yang tradisinya adalah tinggi dalam lingkungan 20% - 45% daripada KNK menyediakan ruang untuk menggalakkan kadar penggunaan yang lebih tinggi tanpa menjejaskan kemapanannya. Paras hutang isi rumah juga agak rendah. Di samping itu, secara umumnya isi rumah mempunyai rekod yang baik dalam pembayaran balik hutang mereka. Dasar fiskal terdahulu yang berhemah membolehkan pendekatan yang mengembang bagi menyokong pertumbuhan, sementara kadar inflasi yang rendah dan kapasiti yang berlebihan membenarkan perlaksanaan rangsangan kewangan.

Ketiga, faktor demografi yang sesuai

Rantau Asia mencakupi lebih separuh daripada penduduk dunia dan terus meningkat pada kadar yang relatifnya tinggi dan stabil. Yang penting, rantau ini juga mempunyai struktur demografi yang relatifnya muda dengan tahap pendidikan yang meningkat dan ini penting bagi menyediakan pasaran buruh yang besar dan dinamik pada masa akan datang. **Prospek demografi kependudukan yang baik** di rantau ini meningkatkan lagi potensi bagi mewujudkan golongan pengguna yang mempunyai keupayaan membeli yang tinggi dan seterusnya meningkatkan potensi pertumbuhan permintaan dalam negeri .

Keempat, peningkatan golongan berpendapatan pertengahan

Peningkatan pendapatan dan migrasi ke kawasan bandar di Asia telah mewujudkan **satu golongan berpendapatan pertengahan yang besar dan bertenaga,** seterusnya mewujudkan satu perubahan penting pola penggunaan yang memberi faedah yang positif kepada pertumbuhan permintaan dalam negeri. Kesan kumulatif daripada

dasar-dasar yang dilaksanakan terdahulu telah meningkatkan pendapatan dan taraf hidup serta menyediakan asas bagi menggiatkan perubahan permintaan dalam negeri di rantau ini. Pasaran dalam negeri Republik Rakyat China dengan penduduk yang melebihi 1.2 bilion merupakan pasaran dunia yang terbesar bagi telefon mudah alih dan ia berpotensi untuk menjadi pasaran terbesar di dunia bagi komputer peribadi. Menjelang tahun 2005, dianggarkan sebanyak 15% daripada penduduk Republik Rakyat China terdiri daripada 200 juta pengguna berpendapatan pertengahan yang mempunyai kecenderungan mengguna yang tinggi. Menjelang tahun 2010 pengguna berpendapatan pertengahan di Republik Rakyat China dijangka meningkat kepada 400 ke 500 juta dan ini menjadikan pasaran Republik Rakyat China sebesar pasaran Amerika Syarikat.

Kelima, peningkatan perdagangan intra-serantau

Peningkatan integrasi ekonomi telah membolehkan rantau ini menjadi lebih berdaya tahan dalam persekitaran luar negeri yang semakin bergolak dan tidak menentu. Rantau Asia Timur telahpun mewujudkan integrasi ekonomi yang agak meluas seperti yang ditunjukkan oleh **kadar perdagangan intra-serantau yang tinggi.** Peningkatan eksport intra-serantau yang mencakupi 34% eksport rantau Asia Timur bagi tahun 2002, sebahagiannya hasil sumbangan permintaan dalam negeri yang lebih tinggi yang mendapat manfaat daripada pertumbuhan yang kukuh ekonomi negara-negara di rantau ini. Dianggarkan sebanyak 30%-70% daripada perdagangan intra-serantau adalah bagi memenuhi permintaan akhir di rantau ini. Yang ketara ialah prestasi positif ekonomi Republik Rakyat China dan India yang telah menjana sumber peningkatan permintaan akhir pengguna. Sejak tahun 1993 peranan Republik Rakyat China di rantau ini telah beralih daripada pengeksport bersih kepada pengimport bersih di rantau ini. Perdagangan intra-serantau di kalangan negara-negara ASEAN juga telah meningkat dengan pesat dan kini mencakupi 24% daripada perdagangan di rantau ini, mengatasi perdagangan rantau ini dengan Amerika Syarikat.

Keenam, dasar yang menyokong sumber pertumbuhan dalaman

Komitmen rantau ini untuk menggalakkan pertumbuhan yang diterajui sumber dalam negeri telah diperteguh oleh **dasar ekonomi yang proaktif untuk mewujudkan persekitaran yang sesuai bagi menggalakkan perkembangan perniagaan dalam negeri terutamanya perusahaan kecil dan sederhana.** Pembuat-pembuat dasar di rantau ini sedar akan cabaran yang timbul daripada persekitaran persaingan yang meningkat dan terus menilai semula dan memperbaiki strategi-strategi untuk meningkatkan sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Di samping itu, usaha-usaha telah pun dilakukan untuk membangunkan bidang pertumbuhan baru bagi memastikan kepelbagaian ekonomi. Negara-negara ini semakin beralih kepada bidang-bidang yang terdapat kelebihan berbanding semula jadi sama ada di bidang pertanian, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pembinaan dan insfrastruktur atau sektor-sektor yang berkaitan dengan perkhidmatan. Ini bertujuan untuk mendapatkan faedah daripada kekuatan dalaman masing-masing.

Ketujuh, gelombang baru FDI di rantau ini

Selain dagangan intra-serantau, **aliran masuk pelaburan langsung intra-serantau** juga semakin ketara sebagai kuasa yang mendorong pertumbuhan di rantau Asia Timur. FDI di rantau ini sebahagian besarnya berhubung kait dengan perdagangan. FDI baru di Asia Timur berpunca terutamanya daripada syarikat-syarikat Multinasional barat khususnya dari Amerika

Syarikat. Gelombang kedua FDI selepas lewat 1970an berpunca terutamanya dari Jepun yang mengalir ke Asia Timur bertujuan mencari kos pengeluaran yang lebih rendah. Kini, stok FDI dari Jepun secara kumulatifnya telah mengatasi pelaburan Amerika Syarikat. Sejak lewat 1980an, negara-negara seperti China Taipei, Hong Kong China dan Singapura telah beralih kepada ekonomi yang mempunyai lebihan modal ke rangkaian nilai yang lebih tinggi, seterusnya pelaburan oleh ekonomi perindustrian baru ini telah mula bertambah di Asia. Ini merupakan "gelombang ketiga" FDI di rantau ini. Rantau Asia Timur terus menerima kemasukan FDI daripada negara-negara perindustrian baru ke ASEAN dan Republik Rakyat China. Dalam tempoh terdekat ini, trend ini disokong oleh peningkatan pelaburan luar negeri oleh Korea dan Malaysia.

Kelapan, memanfaatkan kemunculan pasaran besar baru di rantau ini

Secara keseluruhannya, apabila terdapat paras integrasi dari segi perdagangan dan FDI serantau yang tinggi, perubahan corak perdagangan dan pelaburan dari luar ke dalam rantau dan juga antara rantau adalah satu proses yang dinamik. Oleh itu, dengan **wujudnya pasaran baru yang besar di rantau ini,** peluang yang terdapat dalam pasaran tersebut menunjukkan adanya keadaan saling melengkapi di rantau ini. Negara-negara di rantau ini perlu memberi lebih tumpuan kepada aspek yang saling melengkapi dalam bidang-bidang pertumbuhan baru. Dalam suasana persaingan yang meningkat, kemajuan ekonomi rantau ini telah mendapat faedah daripada pengkhususan strategik yang disokong oleh faktor-faktor kelebihan berbanding.

Kesembilan, kerjasama serantau yang semakin erat

Memandangkan kepentingan bersama yang wujud antara negara-negara di rantau ini, kerjasama serantau semakin giat dijalankan di Asia Timur terutamanya dalam konteks ASEAN + 3 dan EMEAP. Setakat ini, tumpuan kerjasama antara kerajaan adalah dalam aspek pengawasan serantau, penyusunan institusi-institusi tertentu dan memberi keutamaan kepada kerjasama di bidang perdagangan dan pelaburan. Usaha ke arah kerjasama serantau akan terus menumpukan perhatian yang lebih kepada pengukuhan rantaian perdagangan dan pelaburan serantau bagi memaksimumkan kelebihan berbanding setiap negara anggota. Bagi tujuan ini, kajian telah pun dijalankan untuk menentukan kebolehlaksanaan dan mengenal pasti prasyarat bagi pengwujudan pasaran bersama Asia, iaitu satu objektif jangka panjang yang logikal dalam kerjasama serantau.

Kesepuluh, dasar asas ekonomi dan kewangan yang kukuh

Dasar asas di rantau ini dijangka kekal positif. Lebihan akaun semasa yang mapan dan kedudukan rizab antarabangsa yang kukuh akan terus menyokong prospek pertumbuhan. Kadar simpanan yang tinggi antara 20% - 45% yang membolehkan pembiayaan langkah-langkah dasar yang pro-pertumbuhan yang berpunca daripada dalam negeri akan terus menyokong prospek pertumbuhan. Secara keseluruhannya, pengangguran di rantau ini adalah rendah. Kestabilan kewangan telah berjaya dikekalkan dan kredit telah berkembang semula .

Sektor kewangan sebagai penggalak pertumbuhan di Asia: Peranan penting yang dimainkan oleh sistem perbankan dalam memudahkan proses pertumbuhan ekonomi.

Sektor perbankan khususnya dan sektor kewangan amnya memainkan peranan penting untuk memudahkan proses pertumbuhan. Sistem

kewangan di pasaran negara-negara yang baru muncul merupakan mekanisma yang penting bagi mencapai sesuatu matlamat. Bagi pasaran negara-negara yang baru muncul, sektor kewangan adalah penggalak yang penting bagi pertumbuhan. Oleh itu, memahami agenda jangka panjang ekonomi adalah suatu perkara penting.

Walaupun terdapat trend yang meningkat dalam kaedah pembiayaan alternatif, sektor perbankan di pasaran negara-negara pasaran baru muncul dijangka akan terus kekal sebagai sumber terpenting pembiayaan ekonomi. Oleh itu, sistem perbankan perlulah berfungsi secara berkesan dan efisyen sebagai institusi pengantara. Yang lebih penting ialah perlunya keprihatinan tentang perubahan ekonomi yang sedang berlaku di rantau ini bagi memudahkan pertumbuhan yang seimbang antara punca pertumbuhan dalaman dan luaran, antara pertumbuhan yang diterajui oleh sektor awam dan swasta dan antara keseimbangan penggunaan dan pelaburan serta antara pelbagai sektor dalam ekonomi, kawasan dan pelbagai kaum dalam sesebuah negara. Mempermudahkan pertumbuhan yang lebih seimbang akan menyumbang kepada pengekalan proses pertumbuhan yang mapan.

Dengan kemunculan bidang-bidang pertumbuhan baru dan penggunaan model perniagaan baru, keperluan pengguna yang baru dan berbeza perlu dipenuhi. Tahap inovasi perlu diberi perhatian yang wajar. Walaupun harga barang dan perkhidmatan harus mencerminkan kos dan risiko, industri perlu memahami bahawa dalam ekonomi pasaran yang baru muncul, asas yang perlu diambilkira ialah agenda sosial yang merupakan salah satu bahagian yang penting bagi mengekalkan prestasi ekonomi. Kemampuan untuk mencapai kestabilan sosioekonomi akan menghasilkan pertumbuhan yang lebih seimbang. Akhirnya, matlamat untuk meningkatkan persaingan dan seterusnya meningkatkan kecekapan dalam penentuan harga perlu diseimbangkan dengan penyediaan asas perkhidmatan kewangan kepada pelanggan runcit yang kurang berkeupayaan pada kos yang minimum. Kaedah tukar ganti ini perlulah dibuat dan diuruskan.

Ini juga termasuk meningkatkan akses kepada pembiayaan aktiviti-aktiviti ekonomi sama ada oleh peminjam kecil atau besar. Dalam ekonomi pasaran yang baru muncul, menyediakan perkhidmatan kewangan tambahan terutamanya kepada perniagaan kecil akan meningkatkan potensi kualiti aset mereka. Ini bukan sahaja dapat menyediakan akses pembiayaan yang lebih luas tetapi juga melengkapkan perkhidmatan kewangan kepada perniagaan bersaiz kecil dan sederhana. Pada masa yang sama, prestasi pinjaman perlu dipantau sepanjang tempoh pinjaman dan tidak hanya semasa proses kelulusan kerana ini akan membolehkan langkah-langkah awal diambil sebelum timbul sebarang masalah.

Satu lagi sumbangan penting ekonomi pasaran yang baru muncul adalah untuk meningkatkan celik pengguna melalui pendidikan pengguna dan pelabur bagi meningkatkan potensi untuk membuat keputusan kewangan yang lebih terancang. Satu lagi bidang penting ialah pelaburan ke atas sumber manusia bagi melahirkan golongan pekerja yang berkemahiran tinggi dan cekap yang dapat menghasilkan faedah jangka panjang yang besar. Akhirnya, institusi asing yang berada di rantau ini perlu memahami fungsi yang boleh dimainkan supaya mereka bukan sahaja memenuhi keperluan tempatan tetapi juga mempromosi peluang pelaburan dan perniagaan daripada rangkaian yang sudah bertapak di bahagian lain di dunia ini.

Krisis Kewangan Asia bukan sahaja menyediakan peluang untuk memperbaiki daya tahan rantau ini terhadap kejutan luaran tetapi juga memperlihatkan pentingnya meluaskan instrumen sektor kewangan, terutamanya pembangunan sumber kewangan alternatif. Sejak dahulu, pinjaman bank dan dana yang dikumpul dari pasaran ekuiti telah memainkan peranan penting di Asia sebagai sumber pembiayaan utama. Dengan menyediakan sumber kewangan yang lain melalui pembangunan pasaran bon korporat, firma-firma boleh meningkatkan keupayaan untuk mengimbangkan hutang dan ekuiti kepada tahap pengumpilan yang terurus di samping mengurangkan impak daripada kejutan akibat terlalu bergantung kepada sesuatu sumber pembiayaan.

Pembangunan pasaran bon korporat di rantau ini telah meningkatkan kecekapan peruntukan modal dengan menyediakan **satu arah pelaburan bagi sumber Asia - rizab simpanannya yang besar hasil daripada lebihan perdagangan.** Dengan pembangunan pasaran bon serantau, ini membolehkan firma-firma mendapat sumber pembiayaan alternatif pada kos yang kompetitif. Justeru, menyumbang kepada peningkatan kecekapan, pelaburan yang lebih tinggi dan seterusnya pertumbuhan menyeluruh.

Pelancaran **Asian Bond Fund (ABF)** pada bulan Jun 2003 menandakan **langkah pertama yang penting dalam kerjasama dan integrasi kewangan serantau serta menjamin perkembangan yang baik untuk masa hadapan pasaran bon di rantau Asia.** ABF bukan sahaja berfungsi untuk memudahkan pelaburan semula sebahagian daripada rizab Asia ke rantau ini, malah sama pentingnya, ia membolehkan peruntukan simpanan yang lebih cekap untuk pelaburan yang produktif, di samping meluas dan mendalamkan pasaran bon serantau. Dalam proses tersebut, tahap urus tadbir korporat rantau ini akan turut dipertingkatkan.

Sesungguhnya, perkembangan sumber pembiayaan alternatif akan berfungsi sebagai sumber pembiayaan jangka panjang yang mempunyai lebih daya tahan dengan mata wang yang lebih kukuh serta aset dan liabiliti yang mempunyai kematangan yang sepadan. Akhirnya, pelabur institusi yang mempunyai liabiliti jangka panjang akan mendapat manfaat daripada penyusutan risiko mata wang dengan membeli bon jangka panjang dalam sebutan mata wang tempatan. Ini akan menyumbang kepada **kepelbagaian risiko yang timbul daripada pinjaman dalam sebutan mata wang asing,** justeru menurunkan potensi risiko sistemik dalam sistem kewangan.

Pada ketika ini, masih terdapat **potensi besar untuk memperbaiki dan membangunkan pasaran bon korporat serantau.** Negara-negara tertentu telah mengambil langkah untuk membangunkan pasaran bon masing-masing, dengan tahap perkembangan yang berbeza dengan usaha tertumpu kepada mengukuhkan infrastruktur pasaran, menetapkan ukur rujuk keluk kadar hasil, meningkatkan bilangan terbitan dan instrumen baru, seterusnya meliberalisasikan pasaran untuk meningkatkan penyertaan asing.

Ini telah menghasilkan **evolusi dalam peranan yang dimainkan oleh bank perdagangan.** Dalam proses mengembangkan pasaran bon korporat, bank perdagangan semakin aktif sebagai bank pelaburan dengan memainkan peranan sebagai penasihat korporat, penerbit

utama, pemula rundingan, penaja jamin, penjual, broker dan penyediaan pilihan pengurusan risiko dan instrumen lindung nilai. Evolusi sebegini mengikut aturan dalam pembangunan pasaran kewangan yang lebih mendalam, aktif serta menjadi semakin berintegrasi dan berdaya saing.

Dalam usaha untuk membangunkan pasaran bon dan opsyen serantau untuk mengumpul modal, pemikiran baru perlu diterima pakai iaitu dengan melihat kepada pasaran modal serantau dan global serta pilihan kaedah yang lebih luas dalam mengurus risiko dan perlindungan nilai. Dalam suasana begini, pihak berkuasa perlu berusaha ke arah meningkatkan ketelusan, persaingan serta mengukuhkan pasaran dan infrastruktur perundangan. Dengan sejarah perusahaan dan penciptaan nilai Asia, usaha-usaha tersebut akan menjanjikan suatu yang baik kepada Asia sebagai satu rantau.

Kesimpulannya, Asia mempunyai prospek untuk terus berkembang. Asia dijangka terus menjadi rantau yang mencatat pertumbuhan paling pesat di dunia. Sektor ekonomi dan kewangan Asia kini telah mengukuh dengan ketara dan lebih bersedia untuk menggunakan lebihan modal serantau. Ini bagi menyediakan sumber pembiayaan yang lebih luas, mendalam dan cair untuk membantu pertumbuhan serantau. Trend yang baru muncul di rantau ini menunjukkan integrasi ekonomi dan kewangan yang semakin meningkat. Ini diperkukuhkan lagi oleh kerjasama serantau yang lebih luas. Kesemua ini akan menjadikan Asia sebagai pertumbuhan serantau yang saling mengukuh antara satu sama lain. Dalam proses tersebut, rantau Asia akan muncul sebagai penggerak pertumbuhan yang lebih kukuh yang boleh membantu pertumbuhan yang lebih seimbang dalam ekonomi dunia.

Persidangan Kewangan Islam Antarabangsa Yang Ke-2, Hotel Crowne Plaza, Dubai, U.A.E. 22 September 2003 "Kewangan Islam: Industri Dinamik Dalam Persekitaran Global Yang Tangkas Berubah"

Ucapan oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Industri kewangan Islam kini semakin menyerlah dalam suasana persekitaran yang penuh dengan cabaran dan sentiasa dilanda arus perubahan. Industri ini telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan dan kini mempunyai asas infrastruktur kewangan yang kukuh bagi menyokong perkembangannya. Cabaran di hadapan kita adalah untuk memacu industri ini ke peringkat seterusnya dan terus memperkasakan industri ini dalam suasana yang semakin mencabar. Apa yang perlu diutamakan kini ialah merangka strategi yang boleh digunakan bagi membina tonggak kekuatan dan memperkukuhkan kapasiti keinstitusian industri. Usaha bersepadu perlu dipertingkatkan di peringkat sejagat demi mempercepatkan proses integrasi. Adalah diharapkan di penghujung dekad ini, industri kewangan Islam akan terus berkembang ke arah menjadi sebuah industri yang dinamik dan berdaya maju, Insya-Allah.

Saya sungguh berbesar hati kerana dijemput ke Persidangan Kewangan Islam Antarabangsa Kedua yang dianjurkan oleh Bank Pembangunan Islam dan General Council of Islamic Banks and Financial Institutions.

Globalisasi dan liberalisasi kewangan telah membawa perubahan ketara kepada landskap kewangan dalam negeri dan antarabangsa. Perubahan ini diiringi dengan liberalisasi kewangan yang pesat yang disokong oleh kemajuan teknologi. Malah, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi telah menyingkirkan pelbagai halangan di dalam pasaran.

Usia perbankan dan kewangan Islam yang masih muda perlu sentiasa berada di hadapan untuk terus kekal sebagai satu pengantara kewangan yang maju dan berdaya saing. Oleh itu. cabaran industri perbankan Islam adalah untuk mengembangkan lagi sistem kewangan Islam ke arah pembangunan satu sistem yang lebih dinamik, responsif dan mapan.

Kewangan Islam sebagai salah satu proses intermediasi dalam suasana persekitaran yang mencabar dicorakkan oleh arus perubahan yang memberi impak yang besar kepada sistem kewangan di peringkat domestik dan global. Ia turut dipengaruhi oleh keadaan pasaran kewangan yang tidak menentu. Justeru, sektor ini memerlukan institusi kewangan Islam yang berdaya maju dan teguh; dan peningkatan kapasiti keinstitusian adalah strategi utama ke arah mencapai matlamat ini. Ia juga memerlukan tenaga kerja yang berkaliber dan kumpulan pengurusan yang mantap, penggunaan teknologi

yang meluas, kajian dan penyelidikan yang terarah serta pembinaan sistem pengurusan risiko yang berkesan. Selain itu, satu program kesedaran pengguna yang tersusun perlu dirancang untuk meningkatkan lagi kesedaran dan pengetahuan tentang kelebihan kewangan Islam.

Sesebuah sistem kewangan Islam perlu mempunyai komponen-komponen penting merangkumi industri perbankan Islam, pasaran wang dan modal Islam serta industri takaful, berikutan hubungan yang erat, saling memerlukan serta sinergi di antara komponen-komponen dalam sistem ini. Walaupun industri perbankan Islam adalah tonggak utama sistem kewangan Islam, infrastruktur kewangan sokongan perlu diwujudkan. Salah satu infrastruktur sokongan yang penting ialah pasaran wang Islam. Di samping itu, sistem kewangan Islam perlu memajukan sebuah pasaran modal Islam bagi menyediakan sumber pembiayaan alternatif serta menghasilkan instrumen kewangan Islam yang meluas dan pelbagai kepada pelabur. Pelengkap kepada komponen-komponen ini ialah insurans Islam atau takaful yang menyediakan perlindungan risiko kepada pemegang polisi. Ia juga sebagai penggerak dana jangka panjang yang berkesan. Dalam pada itu, pengantara kewangan bukan bank seperti institusi kewangan pembangunan, institusi simpanan dan institusi kredit perumahan juga perlu terlibat bagi untuk memenuhi permintaan pelanggan kerana institusi kewangan khusus ini penting untuk mencapai matlamat ekonomi tertentu yang tidak dapat dipenuhi oleh institusi perbankan Islam.

Kepelbagaian peserta dan instrumen merupakan antara ciri-ciri utama untuk membina suatu persekitaran sistem kewangan Islam yang dinamis. Pendekatan ini telah diguna pakai oleh Malaysia dalam usahanya membangunkan sistem kewangan Islam yang komprehensif, mapan dan progresif. Di peringkat awal pembangunan sistem kewangan Islam, tumpuan diberikan untuk memajukan sistem perbankan Islam menerusi penambahan jumlah peserta dan aktiviti perbankan. Aktiviti ini meningkat dengan lebih ketara apabila sistem dwi-perbankan diperkenalkan. Usaha ini kemudiannya diperluaskan kepada institusi bukan bank, termasuk institusi kewangan pembangunan, bank simpanan dan syarikat kredit perumahan yang turut menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam.

Komponen-komponen utama lain di dalam sistem kewangan Islam terdiri daripada pasaran wang Islam, pasaran modal Islam dan pasaran takaful. Kini, pasaran wang Islam telah menjadi satu unsur yang penting dalam sistem kewangan Islam dengan jumlah urus niaga melebihi RM2 bilion sehari dan meliputi pelbagai instrumen, termasuk terbitan pelaburan kerajaan, nota boleh niaga Bank Negara Malaysia, bil penerimaan Islam dan sekuriti hutang swasta Islam. Peserta-peserta sokongan seperti broker wang telah membantu membangunkan pasaran ini.

Pasaran modal Islam terdiri daripada pasaran ekuiti dan pasaran hutang. Kedua-dua pasaran ini telah mencatat perkembangan yang memberangsangkan. Dalam pasaran hutang, sekuriti hutang swasta berasaskan Islam yang belum jelas sehingga akhir bulan Jun 2003 berjumlah RM68.2 bilion atau 36.9% daripada jumlah keseluruhan sekuriti hutang swasta berasaskan Islam yang belum jelas. Pada tahun 2002, penerbitan baru sekuriti hutang berasas Islam (tidak termasuk bon Cagamas) berjumlah RM13.8 bilion, iaitu mengatasi jumlah sekuriti hutang swasta konvensional. Dalam pasaran ekuiti, lebih 80% daripada kaunter di Bursa

Saham Kuala Lumpur adalah diluluskan oleh Syariah. Pasaran takaful juga telah menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan dan keempat-empat syarikat takaful kini menawarkan rangkaian produk yang meluas dalam perniagaan takaful keluarga dan takaful am setanding dengan syarikat-syarikat konvensional.

Sistem kewangan Islam yang telah diperkembangkan di Malaysia sejak dua dekad lalu telah muncul sebagai sebuah sistem kewangan Islam yang komprehensif yang beroperasi seiring dan mampu bersaing dengan sistem kewangan konvensional yang sudah lama bertapak kukuh. Kewangan Islam juga telah dikenalpasti sebagai satu bidang yang penting di Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa Malaysia Labuan dan turut membantu dalam pembangunan pasaran kewangan Islam dalam negeri.

Bagi memastikan bahawa industri kewangan Islam sentiasa kukuh dan stabil, ia perlu disokong oleh rangka kerja pengawalseliaan yang berkesan. Ini bagi memastikan operasi institusi kewangan Islam terus mapan dan tidak menjadi faktor yang boleh menjejaskan sistem perbankan. Di Malaysia, sistem kewangan Islam dikawalselia oleh satu rangka kerja pengawalan yang lengkap dan disokong oleh rangka kerja Syariah dan piawaian perakaunan Islam.

Industri kewangan Islam dijangka akan menghadapi cabaran yang lebih kompleks dan rumit memandangkan rangka kerja pengawalan dalam industri kewangan Islam perlu menangani ciri dan sifat unik operasi perbankan dan instrumen kewangan Islam. Risiko instrumen kewangan Islam yang kompleks perlu dikenalpasti dan dikuantifikasikan sebaiknya supaya penilaian dan pengurusan risiko dapat dilakukan dengan berkesan. Apabila Basel II diperkenalkan kelak, ia akan memberi penekanan kepada kaedah pengawalan dengan fokus kepada risiko. Maka, institusi kewangan Islam perlu mengenalpasti dan merungkai risiko-risiko yang terdapat dalam instrumen kewangan Islam. Ini bermaksud, peserta industri kewangan Islam perlu membina suatu sistem dan amalan pengurusan risiko yang mantap.

Ekoran perkembangan ini, penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (LPKI) adalah kena pada masanya. LPKI diberikan mandat untuk membangunkan piawaian berhemat yang sejajar dengan ciri unik institusi kewangan Islam. Memandangkan LPKI dan badan penetapan piawaian sedia ada mempunyai objektif yang sama, saya berpendapat integrasi antara piawaian antarabangsa dengan piawaian berhemat Islam boleh dicapai. Integrasi ini akan menyumbang ke arah pembangunan satu sistem kewangan Islam yang kukuh dan berdaya tahan serta mampu mengekalkan kestabilan kewangan yang menyumbang ke arah pertumbuhan dan pembangunan yang seimbang. Di samping itu, ia akan menjadikan sistem kewangan Islam satu komponen yang maju dalam sistem kewangan sejagat.

Industri kewangan Islam telah sekian lama mengguna pakai "kaedah adaptasi" dalam merangka produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Walaupun terdapat perbezaan prinsip antara instrumen kewangan Islam dan konvensional, ianya tidaklah begitu besar. Pada kebiasaannya, produk kewangan Islam dipakejkan semula menurut ciri-ciri produk kewangan konvensional dengan menghapuskan elemen yang bercanggah dengan kehendak Syariah. Risiko daripada proses adaptasi ini adalah instrumen kewangan Islam akan sentiasa ketinggalan berbanding produk sistem konvensional.

Justeru, usaha harus dipergiatkan untuk membangunkan produk kewangan baru yang memiliki ciri-ciri khusus yang dapat memaparkan kelebihan perbankan Islam. Dalam jangka panjang, ia akan menghasilkan instrumen kewangan Islam yang tersendiri, inovatif dan unggul. Instrumen yang berinovatif seperti sukuk umpamanya, telah berjaya menarik minat kedua-dua pasaran Islam dan pasaran konvensional.

Syariah merupakan salah satu isu utama dalam membentuk industri kewangan Islam yang dinamik. Syariah sewajarnya dilihat sebagai pemangkin kepada inovasi dan kreativiti berbanding sebagai satu kekangan. Sememangnya, inovasi dan kreativiti menjadi tuntutan. Sehubungan itu, usaha-usaha perlu dipertingkatkan bagi mengiktiraf dan memaksimumkan potensi dan hikmah sebenar Syariah. Usaha-usaha perlu digiatkan bagi memupuk kerjasama yang lebih erat di kalangan para ilmuan Syariah, pengamal dan penyelidik bagi menjalankan kajian dan penyelidikan yang terperinci dalam penghasilan produk. Usaha ini akan menyediakan asas yang kukuh ke arah pembangunan sistem kewangan Islam yang dinamik.

Satu lagi isu yang perlu ditangani adalah kekurangan prasarana intelektual dalam bidang kewangan Islam. Pelaburan perlu ditingkatkan dalam aspek ini. Peserta-peserta kewangan Islam perlu mempergiatkan usaha-usaha untuk melatih dan membangunkan kepakaran yang khusus dalam pelbagai bidang kewangan Islam. Program-program berkaitan perlu dilaksanakan dengan pendekatan yang menyeluruh, merangkumi perbankan konvensional dan Islam dan digandingkan dengan Syariah. Dinamisme industri kewangan Islam hanya dapat diserlahkan oleh kalangan mereka yang berbakat dan mempunyai keyakinan serta kepakaran dalam kewangan Islam.

Matlamat kita dalam memajukan satu sistem kewangan Islam yang dinamik adalah untuk mencapai objektif utama kewangan Islam yang akan menyumbang ke arah pembangunan ekonomi yang menyeluruh melalui proses intermediasi yang dapat menggalakkan perdagangan dan pelaburan. Dalam kita mengorak langkah ke hadapan, objektif industri kewangan Islam terletak kepada keupayaan untuk membina tonggak kekuatan dan meningkatkan kapasiti keinstitusian, mempergiatkan kerjasama bagi mengukuhkan lagi kecekapan infrastruktur kewangan Islam dan mempercepatkan integrasi global yang dapat memberi sinergi dan peluang kepada industri kewangan Islam dalam menghadapi suasana yang lebih mencabar. Apabila ini dapat dilakukan, perbankan Islam akan lebih mampu berkembang sebagai komponen penting dalam sistem kewangan antarabangsa serta menyumbang kepada pertumbuhan yang seimbang dan perkongsian kemakmuran sejagat.

Persidangan Antarabangsa Insurans Islam (Takaful): Menggalakkan Peluang Kewangan Baru di London, United Kingdom 26 September 2003 "Membina Sistem Kewangan Islam Yang Komprehensif: Peluang Kewangan Baru"

Ucapan oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Perbankan dan kewangan Islam pada awalnya merupakan satu saluran pengantara kewangan untuk umat Islam bagi menjalankan urus niaga kewangan yang berlandaskan prinsip Syariah. Kini, industri kewangan Islam telah dapat diterima dan dihargai dengan lebih meluas dan perkembangannya telah melangkaui sempadan tradisi dari ekonomi umat Islam sehingga ke ekonomi industri utama untuk menjadi sebahagian daripada komponen sistem kewangan global.

Dalam suasana persekitaran global yang semakin mencabar, iaitu persekitaran yang terdedah kepada arus perubahan yang kuat dan yang tertakluk kepada keadaan pasaran yang mudah berubah dan tidak stabil, kewangan Islam telah tampil sebagai satu saluran pengantara yang berdaya saing dan berdaya tahan. Walaupun kewangan Islam masih berada di fasa awal pembangunannya, ia telah mengalami perkembangan yang pesat dan muncul dengan pantas sebagai satu saluran pengantara kewangan yang berdaya maju, teguh dan berpotensi tinggi.

Ini merupakan satu penghormatan bagi saya pada hari ini untuk berada di kalangan para ilmuan, penyelidik dan pengamal industri takaful. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada 'the Institute of Islamic Banking and Insurance' atas usaha mereka mengelolakan persidangan antarabangsa berkenaan insurans Islam atau takaful ini. Industri takaful merupakan satu komponen penting dalam sistem kewangan Islam yang komprehensif memandangkan peranannya sebagai penggerak dana jangka panjang, memberi perlindungan daripada risiko, membangunkan pasaran modal secara Islam dan sebagai pelabur institusi yang penting, serta penyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi secara menyeluruh. Justeru, cabaran yang kita hadapi ialah untuk membangunkan industri takaful yang dinamik dan berdaya maju di dalam sistem kewangan Islam. Satu perkara penting dalam hal ini ialah pembangunan sistem kewangan Islam yang dinamik, responsif dan mapan.

Pembangunan sistem kewangan Islam perlu mengambil kira kesemua komponennya termasuk industri perbankan Islam, industri takaful, pasaran modal dan pasaran wang secara Islam, memandangkan hubung kait yang rapat dan saling bergantung serta sinergi di antara komponen dalam sistem tersebut. Spektrum peserta dan kepelbagaian instrumen adalah antara penyumbang utama kepada persekitaran yang

mendorong pembinaan sebuah sistem kewangan Islam yang dinamik. Malaysia telah menggunakan pendekatan ini sejak bermulanya usaha membangunkan sistem kewangan Islam yang komprehensif, progresif dan mapan.

Di peringkat awal pembangunan sistem kewangan Islam, tumpuan telah diberikan kepada pembangunan sistem perbankan Islam dan penambahan jumlah peserta dan aktiviti pasaran. Berikutan terlaksananya sistem dwi-perbankan, kadar pertumbuhan telah meningkat dengan ketara. Dalam masa dua dekad, jumlah aset industri perbankan Islam telah meningkat daripada AS97 juta di permulaannya kepada AS20 bilion pada akhir bulan Jun 2003. Perkembangan yang sama juga dialami oleh industri takaful dengan jumlah aset yang bernilai tidak lebih daripada AS30 juta pada tahun 1993, meningkat kepada AS1 bilion pada bulan Jun 2003. Pasaran modal secara Islam di Malaysia turut mencatat pertumbuhan yang ketara apabila nilai sekuriti hutang swasta berasaskan Islam yang belum jelas berjumlah AS17.8 bilion atau 36.9 peratus daripada jumlah keseluruhan pasaran sekuriti hutang swasta yang belum jelas, sementara dalam tempoh lapan bulan pertama 2003, terbitan baru sekuriti hutang swasta berasaskan Islam telah mencecah AS1.7 bilion. Apa yang lebih memberangsangkan ialah lebih daripada satu pertiga daripada terbitan baru sekuriti hutang swasta berasaskan Islam telah dikeluarkan oleh syarikat kepunyaan bukan-Islam, termasuk syarikat multinasional.

Evolusi struktur kewangan yang sesuai perlu mengambil kira peranan sistem kewangan dalam ekonomi serta objektif yang perlu dicapai. Dalam konteks ekonomi pasaran baru muncul, sistem kewangan merupakan satu cara untuk mencapai sesuatu matlamat. Struktur kewangan yang bersesuaian, terutamanya dalam ekonomi pasaran baru muncul, perlu dibentuk mengikut keperluan ekonomi. Sistem kewangan perlu berkemampuan untuk menyokong sektor benar, berubah dan berkembang mengikut perubahan kehendak ekonomi. Strategi yang diambil oleh Malaysia ialah untuk membangunkan sistem kewangan Islam yang komprehensif, yang mampu beroperasi selari dengan sistem kewangan konvensional.

Komponen-komponen penting dalam sistem kewangan Islam, yang merangkumi institusi kewangan Islam, pasaran wang dan modal perlu diperkukuhkan oleh rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan yang cukup memahami ciri-ciri unik industri ini. Komponen utama yang saling bergantung ini bergabung menjadi persekitaran yang mendorong industri perkhidmatan kewangan Islam memainkan peranan yang berkesan bagi menggerakkan sumber dan menyalurkannya untuk tujuan yang produktif. Ketiadaan salah satu komponen boleh mengurangkan keberkesanan dan kecekapan serta boleh menggugat daya maju dan kemapanan sistem tersebut.

Sementara sistem perbankan Islam memainkan peranan penting dalam menggerakkan tabungan dan menyediakan pembiayaan, pembangunan pasaran modal membolehkan sektor korporat mendapat pembiayaan jangka panjang yang berlandaskan prinsip Islam. Pembangunan pasaran modal juga akan meningkatkan kepelbagaian instrumen kewangan Islam bagi memenuhi keperluan pelabur Islam. Pembangunan perbankan dan kewangan Islam akan terhalang tanpa adanya sistem kewangan Islam yang komprehensif yang menawarkan perkhidmatan kewangan berdasarkan prinsip Syariah.

Pihak kerajaan perlu memainkan peranan penting dalam pembangunan sistem kewangan Islam. Peranan kerajaan antaranya menyediakan persekitaran yang sesuai di peringkat awal serta prasarana penting melalui penggubalan rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan yang komprehensif bagi perbankan dan kewangan Islam. Rangka kerja ini pula perlu diperkukuhkan oleh rangka kerja Syariah bagi memastikan bahawa semua urus niaga kewangan adalah menurut kehendak Syariah. Oleh itu, operasi kewangan Islam bukan sahaja perlu berdasarkan amalan terbaik, malah perlu memenuhi kehendak Syariah.

Pematuhan terhadap prinsip Syariah sahaja tidak mencukupi untuk menjamin bahawa perbankan dan kewangan Islam akan terus mapan. Dalam jangka masa panjang, pelanggan dan institusi perniagaan memerlukan perkhidmatan dan produk yang berkualiti daripada perbankan Islam. Oleh itu, cabaran utama yang dihadapi oleh perbankan dan kewangan Islam ialah untuk menyediakan produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang komprehensif, iaitu bukan sahaja inovatif dan kompetitif, malah mematuhi kehendak Syariah.

Sekarang, kita beralih pula kepada pembangunan industri takaful. Takaful adalah satu sistem insurans Islam yang berdasarkan kerjasama dan saling bantu-membantu untuk kebaikan ummah. Walaupun takaful telah berada di pasaran lebih 20 tahun, ia masih belum diterokai dengan sebaiknya. Harus diingat, walaupun pasaran insurans konvensional sudah bertapak dengan kukuh di beberapa negara Islam, secara relatifnya peratus penduduk Islam yang diinsuranskan masih lagi rendah. Tahap penembusan pasaran juga rendah, iaitu kurang daripada 5 peratus di kebanyakan negara Islam. Di Malaysia, tahap penembusan pasaran dari segi jumlah sijil takaful berkuatkuasa dibahagi dengan jumlah penduduk hanyalah 3.8 peratus berbanding penembusan pasaran untuk insurans konvensional, iaitu 34.7 peratus. Ini menunjukkan bahawa terdapat potensi pasaran yang tinggi yang masih belum ditembusi.

Pengendali-pengendali takaful berperanan penting sebagai ajen ekonomi atau kewangan memandangkan mereka perlu menggerakkan dana jangka panjang dalam bentuk caruman dan melaburkan dana tersebut di saluran pelaburan Islam. Sebagai pemegang amanah dana awam, pengendali takaful perlu memastikan bahawa dana takaful dilaburkan mengikut prinsip Syariah dan diuruskan dengan sebaik mungkin untuk menanam keyakinan orang ramai yang semakin kompleks terutamanya dari segi perjanjian.

Bagi membangunkan industri takaful sebagai satu alternatif yang mampu bersaing dengan insurans konvensional yang sudah lama bertapak, penekanan terhadap perlunya industri takaful disokong oleh komponen teras sistem kewangan Islam yang komprehensif tidak boleh dipertikaikan. Memandangkan pengendali-pengendali takaful merupakan penggerak dana jangka panjang dan pengurus dana kepada peserta, kebolehan mereka untuk menjana pulangan bagi memenuhi tanggungjawab kepada peserta banyak bergantung kepada rangkaian instrumen kewangan yang ada di pasaran.

Tanpa sistem kewangan yang berkesan, pengendali takaful mungkin tidak akan dapat berfungsi secara berkesan dan cekap untuk memenuhi janji perkongsian keuntungan dan tidak akan dapat bersaing dengan peserta konvensional dari segi pertumbuhan dana. Ketiadaan pasaran modal Islam yang berdaya maju akan menyebabkan

kurangnya instrumen kewangan yang berkualiti sebagai saluran pelaburan dana takaful. Ini akan menyebabkan mereka terpaksa bergantung kepada pulangan pelaburan yang rendah dari deposit bank. Keadaan ini juga akan menghalang mereka daripada menawarkan produk-produk yang inovatif seperti produk berkaitan pelaburan bagi mempelbagaikan portfolio pelaburan mereka walhal produk ini adalah antara produk yang begitu popular yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat insurans konvensional. Tanpa sistem perbankan Islam, pengendali takaful tidak akan dapat menggunakan sepenuhnya kemudahan dan sinergi yang ada dari segi rangkaian sistem perbankan menerusi bankasurans yang bukan sahaja boleh menjadi satu saluran pemasaran yang berkesan, malah berupaya mengurangkan kos operasi.

Pembangunan prasarana kewangan Islam yang komprehensif di Malaysia, merangkumi perbankan Islam, pasaran wang dan modal telah memperteguhkan pembangunan perniagaan takaful. Pada masa kini, industri takaful di Malaysia telah muncul sebagai satu industri yang mengalami pertumbuhan yang pesat dalam sektor insurans sejak diperkenalkan pada tahun 1985, iaitu 18 tahun yang lalu. Dengan aset yang hanya berjumlah AS0.5 juta pada tahun 1986, ia telah menjangkau lebih daripada AS900 juta pada tahun 2002, merangkumi 5.2 peratus jumlah aset sektor insurans. Pada masa yang sama juga, pengendali takaful telah menawarkan pelbagai produk takaful keluarga dan takaful am.

Pelan Induk Sektor Kewangan Malaysia merupakan rangka tindakan bagi pembangunan sektor kewangan dalam jangka masa 10 tahun. Pelan yang telah dilancarkan pada tahun 2001 ini, memberi kepentingan kepada pembangunan sektor perbankan Islam dan takaful sebagai komponen penting dalam sistem kewangan. Bagi mencapai objektif ini, penekanan diberikan kepada pembangunan institusi dan prasarana kewangan dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan sistem, memperkukuhkan daya tahan dalaman serta kedudukan daya saing pengendali takaful di samping menyumbang kepada keperluan negara. Ini termasuk menyediakan asas-asas pembangunan pasaran kewangan dan memperkukuhkan pembangunan institusi. Sebahagian daripada proses ini ialah program tanda aras yang merupakan satu alat yang telah diperkenalkan kepada pengendali takaful sebagai panduan untuk mempertingkatkan prestasi dan membimbing pengendali takaful memperbaiki strategi perniagaan mereka. Untuk memperkukuhkan program ini, indeks kualiti perkhidmatan telah diperkenalkan untuk menggalakkan pembangunan produk dan perkhidmatan bertaraf dunia. Ini dilengkapkan lagi dengan satu program pendidikan pengguna yang komprehensif bagi menggalakkan ketelusan produk dan mempertingkatkan lagi kebertanggungjawaban. Penasihat kewangan juga telah diperkenalkan sebagai satu elemen tambahan bagi memudahkan dan mendedahkan pengguna kepada lebih banyak produk kewangan.

Antara cabaran-cabaran yang ketara ialah untuk mengadakan jisim genting (critical mass) di pasaran bagi membolehkan pakatan merentas sempadan (cross border alliances) di peringkat serantau dan global. Penubuhan pengendali takaful yang mencukupi bilangannya di pasaran sangat penting sebagai persediaan asas ke arah pembentukan lebih banyak pengendali-pengendali takaful semula dari segi memberikan sokongan perniagaan dan ekonomi ikut bidangan (economies of scale) untuk membolehkan pembangunan industri takaful semula.

Pada masa kini, masih terdapat kekurangan peserta yang memberi kemudahan takaful semula dan ini menyebabkan pengendali takaful mengsid kepada penanggung insurans semula konvensional. Walaupun amalan ini telah diterima ramai, sepatutnya lebih banyak pengendali takaful semula yang mengikut prinsip-prinsip Syariah ditubuhkan supaya industri takaful tidak terus bergantung kepada penanggung insurans semula konvensional sebagai saluran untuk menyelaraskan risiko. Lebih penting lagi, pengendali takaful semula pada akhirnya dapat memperkukuhkan dan meningkatkan kapasiti kewangan industri takaful dan sinergi sampingan yang terhasil daripada pakatan perniagaan interaktif yang akan menyumbang kepada kebaikan keseluruhan dan keteguhan sistem kewangan Islam. Sesungguhnya, banyak manfaat yang boleh diperoleh oleh pengendali takaful khususnya, dan industri kewangan Islam amnya, dengan adanya kemudahan pasaran takaful semula yang mencukupi dan kompetitif. Justeru, usaha-usaha perlu ditumpukan mempertingkatkan kerjasama dan meneliti cara-cara munasabah untuk menangani jurang yang terdapat dalam industri takaful ini.

Usaha untuk mewujudkan sistem kewangan Islam yang dinamik adalah bagi mencapai objektif utama, iaitu penubuhan sistem kewangan Islam yang mampu menyumbang secara berkesan kepada ekonomi melalui proses perantaraan. Oleh itu, industri perbankan dan kewangan Islam perlu memperluaskan agendanya ke arah pembangunan sistem kewangan Islam yang komprehensif. Industri perbankan dan kewangan Islam juga perlu meneruskan usaha untuk menambah nilai ke arah mempertingkatkan integrasi dalam ekonomi dan sistem kewangan. Demi menggarap potensinya sepenuhnya, usaha-usaha jitu ke arah membangunkan dan memperbaharui instrumen-instrumen kewangan Islam dan aktiviti-aktiviti yang berupaya memenuhi keperluan ekonomi yang sering berubah dan keperluan pasaran global kontemporari perlu diteruskan. Persidangan seperti ini boleh menyumbang idea-idea bernas untuk menjana inisiatif-inisiatif baru ke arah pembangunan sistem kewangan Islam. Integrasi global yang semakin pantas akan menghasilkan sinergi dan peluang bagi industri kewangan Islam muncul sebagai satu komponen penting dalam sistem kewangan antarabangsa yang akan menyumbang kepada peningkatan prospek untuk pertumbuhan yang seimbang dan mempertingkatkan perkongsian kemakmuran sejagat.

Kalendar Peristiwa
Julai - September 2003

28 Julai 2003

Bank menjadi tuan rumah kepada Bengkel Anti Pengubahan Wang Haram ASEAN, yang merupakan sebahagian daripada komitmen terhadap Pelan Tindakan ASEAN untuk Memerangi Jenayah Terancang Antarabangsa. Bengkel ini merupakan satu lagi langkah penting ke arah mewujudkan kerjasama serantau mengenai kewangan bagi mengukuhkan benteng kewangan serantau terhadap kejutan luaran.

27 Ogos 2003

Bank mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia telah berkembang pada kadar 4.4% pada suku kedua tahun 2003, dan ini menjadikan prestasi pertumbuhan ekonomi pada separuh tahun pertama sebanyak 4.5%. Bank juga telah mengeluarkan Kenyataan Dasar Monetari buat kali pertama.

29 Ogos 2003

InfoInsurans, sebuah Program Pendidikan Pengguna bagi industri insurans dan takaful, telah dilancarkan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan keutuhan pasaran dan perlindungan pengguna yang merangkumi seluruh aktiviti perbankan, insurans dan takaful.

29 Ogos 2003

Bank Negara Malaysia dan industri perbankan telah mengadakan sesi dialog untuk berbincang mengenai perkembangan ekonomi dan kewangan serta prestasi sektor perbankan. Mesyuarat tersebut juga membincangkan pemberian pinjaman, terutamanya kepada industri kecil dan sederhana dan penukaran kepada penggunaan cip Europay MasterCard Visa bagi kad kredit. Mesyuarat tersebut juga dimaklumkan mengenai perkembangan cadangan skim deposit insurans dan aktiviti-aktiviti Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB).

15 September 2003

Seperti yang diumumkan dalam Bajet 2004, Bank akan mula mengeluarkan Bon Simpanan Merdeka secara lebih kerap, mulai bulan Februari 2004. Bon tersebut merupakan instrumen tabungan tambahan yang menawarkan kadar pulangan yang lebih baik kepada golongan pesara. Langganan kepada bon-bon ini akan dibuka kepada pesara yang tidak bekerja sepenuh masa dan kepada anggota beruniform yang telah bersara wajib dan tidak bekerja secara tetap.

18 September 2003

Bank mengumumkan bahawa ia akan mengeluarkan sehingga tiga lesen perbankan Islam yang baru kepada peserta asing yang layak, sebagai sebahagian daripada langkah menyeluruh untuk mengukuhkan integrasi sistem perbankan Islam tempatan di peringkat global. Langkah ini mempercepatkan liberalisasi industri perbankan Islam negara dari segi pemberian lesen baru, ke tahun 2004, tiga tahun lebih awal daripada jangkaan Pelan Induk Sektor Kewangan.

23 September 2003

Gabenor dipilih sebagai Gabenor Bank Pusat Asia Terbaik 2003 oleh Euromoney Institutional Investors plc, sebuah syarikat penerbitan kewangan beribu pejabat di United Kingdom, dalam keluaran khasnya Emerging Markets, sebuah buletin berita Euromoney. Buletin tersebut telah diedarkan pada Mesyuarat Tahunan Lembaga Pengarah Bank Dunia dan IMF di Dubai pada 17-24 September 2003.

26 September 2003

Ekspo Perbankan Islam dan Takaful 2003 telah dilancarkan di Pusat Dagangan Dunia Putra di Kuala Lumpur, sempena Minggu Perbankan Islam dan Takaful (26 September - 2 Oktober). Ekspo ini bertujuan meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan umum kepada perkhidmatan perbankan dan kewangan Islam, selain bertujuan menambah jumlah urus niaga perbankan Islam dan Takaful.

29 September 2003

Bank telah mengeluarkan tiga duit syiling peringatan sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2003 (LIMA '03) yang telah diadakan pada 30 September - 5 Oktober 2003 di Pulau Langkawi.